


Harga \$1.20



(All rights Reserved)



Di-chetak di-perchetakan Sinaran Bros., Ltd. Penang. Oct. 2/61

SINARAN

BAHASA MĒLAYU

Bagi
FORM 1
Bahasa Kebangsaan



THE NEW METHOD
MALAY COURSE

By: **MANSOR SANUSI**

Ry 360

Siri 410



Bahasa Melayu

The New Method Malay Course

By:

MANSOR SANUSI

Test
Bapa saya
Sekolah saya
Ibu saya

FORM I

Penulis:

SAIDIN YAHYA

51-53

Published by:

SINARAN BROS.
limited

Foreword

This new Malay Reader "Sinaran Bahasa" by Mansor bin Sanusi is an excellent attempt to place before the public a useful little book to enable non-Malay boys to learn the Malay Language.

I compliment the author on his initiative and wish his book the success it deserves.

BASHAH MARICAN
Ag. Inspector of Schools,
Province Wellesley.

Foreword

This new Malay Reader "Sinaran Bahasa" by Mansor bin Sanusi is an excellent attempt to place before the public a useful little book to enable non-Malay boys to learn the Malay Language.

I compliment the author on his initiative and wish his book the success it deserves.

BASHAH MARICAN
Ag. Inspector of Schools,
Province Wellesley.

KANDONGAN-NYA

	Muka
1. Tërusan Panama	1
2. Motokar	2
3. Pantun Nasihat	5
4. Sëmua-nya Di-Buat Dëngan Tidak Bërdawai	6
5. Abraham Lincoln	8
6. Tikus, Arnab dan Tëkukor	12
7. Bëkërja	17
8. Kampong Bërani	18
9. Bërchuchok Tanam	21
10. Sang Kanchil Dëngan Babi	25
11. Laksamana Hang Tuah	27
12. Pasokan Brownie	31
13. Ka-Padang Kapal Tërbang	35
14. Bërijasa Kapada Tanah Ayer	38
15. Hak Bërsuara	43
16. Raja Yang 'Adil	46
17. Këhidupan Di-Kampong Dan Di-Bandar	51
18. Christopher Columbus	54
19. Abu Nawas Dëngan Saudagar Masir ...	60
20. Kopral Yang Bongkak	68
21. To' Hakim Kanchil	71

PĒLAJARAN 1

TĒRUSAN PANAMA

Sa-tëlah Tërusan Suez yang mënyambongkan di-antara Laut Merah dëngan Laut Mediterranean di-buka, maka orang₂ di-Amerika pula tëlah bërfikir bagi mëngorek suatu tërusan di-Sëgënting Panama. Tërusan dëmikian akan mëmendekkan përijalanan kapal yang mëngëlilingi Amerika Sëlatan. Sa-orang jurutëra Përanchis tëlah mëmulakan kërja itu tëtapi tidak bërjaya. Sa-tëlah itu Presiden Roosevelt pula tëlah mënyuroh sa-orang këtua 'askar Amerika bërnama Colonel George W. Goethals bagi mëranchangkan chara₂ yang patut di-buat, bagi mëngorek tërusan itu.

Mula Goethals dan orang₂-nya bërikhtiar bagi mënghapuskan nyamok₂ di-tëmpat itu, sëbab nyamok₂ ini-lah yang mëjangkitkan pënyakit dëmam kura. Sa-tëlah nyamok₂ itu dapat di-hapuskan, maka baharu-lah mëreka mëngorek bukit₂ bagi mëmbuat tërusan; ada pun kërja mëngorek bukit₂ ini sangat-lah susah kërana kadang₂ bukit₂ itu akan runtoh lëpas di-korek bëbërapa hari sahaja; jadi tërusan itu tërkambus dan tërpaksa di-korek sa-mula. Sunggoh pun dëmikian Goethals tëlah dapat juga mënyudahkan tërusan itu pada tahun 1914 ia-itu sa-masa Wilson mënjadi Presiden Amerika Sharikat. Oleh yang dëmikian nama Goethals dan orang₂-nya tëlah mënjadi mashhor.

So'alan :

1. Di-mana dudok-nya tërusan Panama dan mëngapa-kah tërusan itu di-buat?
2. Apa-kah ikhtiar₂ yang di-buat oleh Goethals sa-bëlum di-korek-nya tërusan itu?

Mula₂ Goethal dan orang₂-nya bërikhtiar mënghapuskan mënyambongkan = to join jurutëra = engineer
mëmendekkan = to shorten runtoh = fall down
mëngorekan tërusan itu

③ Kerja itu di-katakan terlalu susah sebab bukit, suka runtuh dan kerja mengorek terpaksa di-buat beruang.

3. Mengapa-kah di-katakan kerja itu terlalu susah, dan bila-kah terusan itu di-gunakan? *Terusan itu di-gunakan.*
4. Apa-kah balasan yang di-terima oleh Goethals dan orang-orang nya? *Goethals dan orang-orang nya telah menjadikan mashohor.*

Beri lawan-nya perkataan ini:— (Pilih perkataan yang di-dalam kandungan)

- | | | |
|-----------|--------------------------------|---------|
| a. pandai | <i>bodoh</i> | (salah) |
| b. malas | <i>rajin</i> | (susah) |
| c. betul | <i>salah</i> | (bodoh) |
| d. baik | <i>sakit jahat</i> | (rajin) |
| e. senang | <i>susah</i> | (sakit) |

Beri perkataan yang sama erti dengan perkataan ini:—

- | | |
|--------------|---------------------------|
| (a) baik | <i>bagus</i> |
| (b) basah | <i>khuchi</i> |
| (c) mari | <i>datang</i> |
| (d) balek | <i>pulang</i> |
| (e) perlahan | <i>lambat</i> |

PĒLAJARAN 2


MOTOKAR

Ada pun kereta pada zaman dahulu tidak-lah sa-chantek sebagai motokar yang kita lihat sekarang ini. Dalam tahun 1901 keadaan motokar itu ia-lah (sa-bagai kereta kuda yang kehilangan kuda-nya); sebab itu-lah orang memanggil-nya kereta ta'ber-

chantek = pretty

kuda. Driber-nya dudok di-atas sa-buah bangku yang tinggi dengan memegang steering yang panjang batang-nya. Ia berjalan terhentak, di-jalan yang burok dengan roda-nya yang memakai getah mati; maka deras-nya kira empat lima batu sa-jam, itu pun sa-kira-nya roda atau injin-nya tidak rosak atau terbenam.

Motokar ini di-jalankan oleh kuasa minyak dan letrik. Pada zaman dahulu chuma sedikit, orang sahaja yang mempunyai motokar atau yang mahu menggunakan-nya; biasa-nya orang yang hendak menaiki motokar ini mereka memakai baju laboh guna-nya bagi menudong pakaian mereka daripada terlekat habok-habok dan debu-debu di-jalan raya. Juga me-



reka memakai sa-jenis chërmin mata bagi menjaga mata mereka. Sunggoh pun demikian motokar ini telah ber-

baju laboh = cloak

dëbu = dust

jalan dengan bongkak-nya serta menakutkan kuda₂, ayam₂, dan orang₂ tua sa-hingga ada yang membawa maut kerana-nya.

Kerap-kali bila motokar ini berhenti sebab rosak maka orang₂ pun melaung, "Baik-lah naik kuda tuan." (Mereka berfikir rekaan yang baharu ini tidak akan kekal) tetapi sa-balek-nya pula ia telah beransor₂ menjadi lebih baik dari sa-masa ka-samasa. (Tuan Henry Ford) telah mulai membuat kereta₂ yang berguna dalam tahun 1903. Maka kereta₂ ini tidak-lah memakan banyak belanja oleh yang demikian dalam masa yang singkat sahaja peladang₂, buroh₂, penuntut dari college₂ telah datang bekerja di-gudang Tuan Henry Ford ini. Beberapa banyak wang₂ yang datang menchurah masuk ka-dalam saku-nya sa-hingga pada hari ini beribu₂ orang telah bekerja di-dalam perusahaan₂ membuat motokar ini.

So'al-an :

1. Bagaimana rupa motokar pada mula₂ di-reka ?
2. Bagaimana-kah pakaian driber₂ motokar zaman dahulu ?
3. Apa-kah sangkaan orang₂ zaman itu terhadap rekaan baharu ini ?
4. Siapa-kah yang mula₂ membuka perusahaan motokar ini dan apa kesudahan-nya ?

Isikan di-tempat₂ kosong dengan salah satu perkataan₂ ini :—

Lucy, bangun, sedang, tajam, pergi.

- a. Ahmad dari tidor.
- b. Saya ada pisau
c. Kawan saya belajar nyanyi.
- d. sakit kepala.
- e. Ia ka-bilek tidor.

bongkak = arrogant
rekaan = invention

menakutkan = frighten
perusahaan₂ = industries

PĒLAJARAN 3

PANTUN NASIHAT

Ikan tenggiri di-bawa ka-Langat,
Ikan puput di-kerat dua.
Jika diri hendak selamat,
Ikut-lah nasihat orang tua₂.

Jika berburu di-lautan tedoh,
Pakai tombak besi waja.
Jika berguru kapada Si-bodoh,
Sa-bagai pokok tidak berbaja.

Mengail gelama di-hujung tanjong,
Di-taroh umpan dalam raga.
Berapa lama pandai pembohong,
Lambat-laun di-ketahui juga.

Pokok tebu tumbuh sa-jajar,
Daun-nya bergayut lambai-melambai,
Jika kamu sunggoh₂ belajar,
Segala maksud tentu terchapai.

Mega mendong berarak ka-barat,
Di-sinari matahari terang-benderang.
Jika badan kurang sihat,
Hati tidak merasa senang.

pantun = poem
tombak = lance
umpan = bait
mega = clouds

nasihat = advice
berbaja = manure
mendong = gloomy

PĒLAJARAN 4

SĒMUA-NYA DI-BUAT DĒNGAN TIDAK BĒRDAWAI

Apabila taligĕrap dan talipon tĕlah di-reka jadi tiap-tiap orang boleh-lah mĕnghantar pĕrkhabaran mĕlalui kawat. Masa ini sĕmua orang, bĕrkata pĕndapatan ini tĕrlalu ajaib, tĕtapi ada lĕbih 'ajaib daripada-nya tĕlah dapat di-reka pula. Di-dalam nĕgĕri Italy ada sa-orang bĕrnama Marconi ia tĕlah pĕrchaya bahawa sĕgala pĕrkhabaran, itu boleh di-hantar dĕngan mĕnyamakan gĕlombang, letrik di-udara, jadi tidak-lah payah mĕnggunakan kawat lagi. Dĕngan sĕbab kĕpĕrchayaan-nya itu ia tĕlah tĕkun bĕrusaha, akhir-nya pada tahun 1901 ia tĕlah bĕrjaya.

Dalam bulan December tahun 1901 ia tĕlah dapat mĕnghantar pĕrkhabaran dari England ka-Newfoundland. Fikir-lah bĕtapa bĕsar kĕgunaan-nya wireless ini kapada kapal, bagi mĕngissharatkan dari sa-buah kapal ka-sabuah kapal yang lain. Kalau sa-sabuah kapal dalam kĕsusahannya ia boleh-lah mĕnghantar isharat S.O.S. yang bĕrma'ana tulong. Manakala kapal, lain mĕnĕrima isharat itu mĕreka mĕsti mĕnuju ka-kapal itu untok mĕmbĕri pĕrtolongan. Dĕngan dĕmikian banyak nyawa, yang tĕlah dapat di-sĕlamatkan dari bahaya kĕkaraman.

4) Sĕkarang wireless ini ada-lah mĕnjadi satu alat yang bĕrguna sĕkali bagi mĕnghantar pĕrkhabaran dunia. Ia boleh mĕnggantikan talipon dan taligĕrap manakala kĕdua, alat ini rosak atau tidak dapat di-gunakan.

So'al-an : Marconi telah reka wireless dan telah di gunakan pada tahun 1901

1. Siapa dia Marconi dan apa-kah kĕpĕrchayaan-nya ?
2. Apa-kah bĕnda-nya yang di-reka oleh Marconi dan bila-kah masa-nya mula di-gunakan ?

isharat = signal
gĕlombang = waves

nyawa = life

3 SOS bermaksud "tutong dan bera-nya di gunakan apabila sa-sabuah kapal dalam kesusahannya

3. Apa ma'ana S.O.S. dan di-mana-kah biasa di-gunakan ?
4. Mĕngapa-kah wireless itu sangat bĕrguna ?

Tambah sa-kurang-nya dua pĕrkataan pada tiap, tĕmpat yang kosong supaya mĕnjadi ayat :

- a. Sa-bĕlum mandi ia gosok gigi
- b. dalam darjah lima.
- c. Dalam sarang itu ada ĕmpat ekor anak burung
- d. Mĕreka ka-rumah masing.
- e. Budak itu tidak pĕrgi sĕkolah.

Ator sa-mula pĕrkataan, di-dalam tiap, satu ayat di-bawah ini supaya jadi ayat yang bĕtul :—

- a. Dia abang pintu buka.
..... Abang dia buka pintu
- b. Bapa dĕkat ĕmak bĕrdiri.
..... Bapa bĕrdiri dĕkat ĕmak
- c. Di-laut itu mĕreka mandi.
..... Mĕreka mandi di laut
- d. Ya, susu saya minum suka.
..... Ya, saya suka minum susu
- e. Saya umur lapan tahun.
..... Umur saya lapan tahun

PĒLAJARAN 5

ABRAHAM LINCOLN

Sa-orang anak tĕlah di-dzahirkan dalam sa-buah bilek balak oleh Thomas dan Nancy Hanks Lincoln, pada T.M. 1809; maka kanak₂ ini di-namakan Abraham. Lincoln sangat miskin jadi budak Abraham ini pun hanya dapat bĕlajar sadikit₂ sahaja sĕbab bapa-nya tidak ada wang untok mĕmbĕli buku₂ pĕlajarannya. Bagini-lah pĕrmulaan riwayat sa-orang budak yang akhir-nya mĕnjadi Presiden Amerika. Manakala budak ini bĕrumor tujuh tahun, maka kĕluarga-nya tĕlah bĕrpindah ka-Indiana; di-sini juga rumah mĕreka di-buat daripada balak, lantainya kotor, kĕrusi dan meja hanya di-buat daripada kĕratan₂ balak kayu sahaja. Ēmak budak ini tĕlah mĕninggal dunia sa-masa ia bĕrumor sĕmbilan tahun; dan tidak bĕrapa lama lĕpas itu bapa-nya tĕlah bĕrkahwin sa-mula.


Ēmak tiri Abraham ini sa-orang yang pĕnyayang kapada budak₂, ia mĕngajar Abraham mĕmbacha dan mĕmbuat kira₂. Pada waktu malam Abraham hanya bĕlajar di-tĕmpat bĕrdiang sahaja supaya tidak mĕmakai banyak lilin. Dia tidak ada kĕrtas dan pensil, oleh itu sĕgala tulisan dan kira₂ di-tulis-nya di-tongkol kayu dĕngan arang; kalau ia tahu sa-saorang itu ada buku, maka pĕrgi-lah ia mĕminjam untok bachaannya, walau pun ia tĕrpaksa bĕrjalan kaki bĕrbatu₂ jauh-nya untok mĕndapat buku itu.

Kĕmudian bapa Abraham bĕrpindah pula ka-Illinois, masa itu Abraham bĕrumor dua puloh satu tahun. Ia bĕkĕrja di-sabuaah kĕdai kampong, oleh sĕbab ia tidak pĕrnah mĕnipu pĕlanggan₂-nya jadi mĕreka mĕnggĕlarkan dia Honest Abe (Abraham lurus). Dalam masa ia bĕkĕrja ini ia tĕlah dapat mĕm-

riwayat = biography
ĕmak tiri = step-mother

mĕninggal = expire
mĕminjam = to borrow

bĕli sa-buah buku undang₂ yang tĕlah burok lalu di-bacha-nya. Maka dĕngan usaha-nya yang chĕkal ini ia tĕlah dapat mĕmbuka sa-buah pĕjabat Pĕguam di-Springfield di-Illinois.




(Gambar dĕngan ihsan USIS)

Tidak ada sa-orang pun yang kĕnal dia sa-bĕlum ia mĕnjadi chalun bagi mĕnĕntang Stephen A. Douglas dalam T.M. 1858. Sunggoh pun Stephen tĕlah di-lantek mĕnjadi wakil tĕtapi nama Lincoln tĕlah gah dan mulai tĕrkĕnal kapada orang ramai; ia bukan sahaja tĕrkĕnal kĕrana bĕrpakaian lawa tĕtapi juga ada-lah tĕrkĕnal sa-bagai sa-orang yang paling bijak sĕkali bĕrchĕrita. Orang₂ sangat bĕrkĕnan kapada-nya sĕbab ia bĕrotak, jadi sĕmua orang pĕrchaya apa juga pĕrchakapan-nya. Maka pada T.M. 1860 dia tĕlah di-lantek mĕnjadi Presiden Amerika Sharikat, sa-tĕlah mĕnang dalam undi Raya bagi pihak Party Republic.

chĕkal = stout-hearted
gah = fame

chalun = candidate
lawa = beauty



(Gambar dengan ihsan USIS)

KEMATIAN ABRAHAM LINCOLN

? pada tahun
Pada petang 14 April 1865, Presiden Lincoln telah keluar dari pejabat-nya kerana pergi ka-panggung Ford di-Washington kerana melihat wayang. Semua penuntun₂ laki₂ dan perempuan berseri₂ dan bergembira sebab peperangan telah selesai. Presiden juga yang sedang menuntun itu pun sentiasa tersenyum dan ketawa. Sa-konyong₂ (sa-orang pelakun bernama John Wilkes) telah menembak kepada Presiden itu dengan pistol-nya. Esoknya Presiden itu pun meninggal dunia; semua penduduk₂ di utara dan di-selatan Amerika telah berkabung kerana kematian Presiden mereka yang di-kasehi itu. Oleh sebab Presiden ini sa-orang besar, yang di-kasehi oleh ra'ayat maka orang₂ Amerika telah memuliakan dia dengan mendirikan patong-nya yang molek di-Washington. *his statue*

Sungguh pun Lincoln telah mati tetapi ucapan yang di-ucapkan-nya pada T.M. 1863 yang berbunyi "Kerajaan Ra'ayat Oleh Ra'ayat dan Untok Ra'ayat" ada-lah menjadi sumbangan kepada sakalian manusia di-seluruh dunia hari ini.

So'alan :

- sebab bapanya sangat miskin*
tidak ada wang
untuk membeli buku, pelajaran-nya
lengkap bkn-nya yang mengajar dia membaca
dan membaca sendiri dan menulis
1. Mengapa-kah Abraham Lincoln tidak bersékolah?
 2. Siapa-kah yang mengajar-nya dan di-mana?
 3. Bagaimana-kah Abraham boleh menjadi Lawyer?
 4. Bila-kah masa-nya ia menjadi Presiden dan siapa-kah membunuh-nya?
 5. Apa-kah sumbangan Lincoln yang maseh di-pakai hingga hari ini?

pelakun = actor

penuntun = audience

berkabong = in mourning

sumbangan = support

Abraham menjadi lawyer sebab ia telah membeli 30 buah buku undang-undang dan telah membacanya dengan usaha yang cekal.

Pilih satu pĕrkataan sahaja dalam kandongan di-hujong ayat₂ ini dan tulis di-tĕmpat kosong yang di-sĕdiakan :—

- a. Tijah tulong ĕmak-nya *basok* pinggan.
(jĕmor, chuchi, basok).
- b. Ia mahu *cepat* bĕsar dan mahu jadi orang pandai.
(makan, chĕpat, badan).
- c. Siapa *singgak* di-rumah kamu tadi.
(tanam, lihat, singgak).
- d. Adek kĕchil itu sĕdang *minum* susu.
(makan, minum, hisap).
- e. Bunga itu tĕrlalu chantek dan *wangi*.
(busok, hapak, wangi).

PĒLAJARAN 6

TIKUS, ARNAB DAN TĒKUKOR

Ince upon a time
Sa-kali pĕrsĕtua maka ada-lah tiga ekor binatang tĕlah bĕr-kongsi diam dalam sa-buah rumah, maka rumah mĕreka itu tĕr-sangat-lah chantek tĕrlĕtak di-dalam sa-buah *ambekahad* ^{dusun} buah₂an. Di-halaman rumah itu di-tanam-nya bĕrbagai₂ jĕnis bunga₂an; kĕtiga₂ ekor binatang ini tĕlah bĕrsĕtuju mĕnĕtapkan kĕrja masing₂, ia-itu (tikus mĕngangkat ayer, mĕnchuchi rumah dan mĕn-jaga pokok bunga, Arnab bĕkĕrja mĕmasak makanan dan mĕn-chuchi pinggan mangkok. Tĕkukor pula kĕrja-nya mĕnchari makanan dan mĕngangkut kayu api.)

dusun = plantation

Shahadan bĕbĕrapa lama-nya kĕtiga₂ binatang₂ itu tĕlah hi-dup dĕngan aman damai dan bĕrgĕmbira. Maka pada suatu ha-ri sĕdang tĕkukor mĕngumpul kayu₂ di-hutan, maka bĕrtĕmu-lah ia dĕngan sa-ekor burung murai sĕdang mĕmĕrhati kapada-nya, sambil tĕrtawa tĕrdĕkah-dĕkah.

Murai: Hai sahabat-ku tĕkukor, mĕngapa lama bĕnar kita ti-dak bĕrjumpa, tuan sakit-kah?

Tĕkukor: Saya tidak sakit, tĕtapi sĕkarang saya sangat sebok bĕkĕrja di-rumah.

Murai: Ya, saya faham, sĕkarang memang banyak kaum saya (burong) yang mĕnjadi hamba kapada binatang₂ lain.

Tĕkukor: Bukan bagitu saudara, sa-bĕnar-nya kami tĕlah bĕr-kongsi diam di-dalam sa-buah rumah dan kami tĕlah bĕr-sĕtuju mĕmbahagikan kĕrja masing₂ maka saya tĕlah di-tu-gaskan bĕkĕrja mĕnchari kayu api ini.

Murai: Tĕtapi mĕngapa pula saya lihat tuan sahaja yang di-suroh bĕkĕrja bĕrat, kĕluar jauh di-hutan; sĕdang yang lain-lain hanya bĕkĕrja di-dalam rumah sahaja.

Tĕkukor: Bĕtul-lah sapĕrti kata sahabat-ku itu? (Maka tĕ-kukor pun pulang-lah mĕmbawa kayu api itu dĕngan ma-rah-nya, apabila sampai di-halaman rumah-nya lalu di-hĕm-paskan-nya kayu itu dĕngan muka yang masam. Sa-tĕlah di-lihat oleh tikus sĕdang mĕmbawa ayer, ia pun bĕrkata):

Tikus: Mĕngapa-kah sahabat-ku bĕrlaku dĕmikian sakit-kah? Mari-lah kita masok, makanan pun sudah tĕrhidang.

(Maka sakalian binatang itu pun dudok bĕrkĕliling meja makan, lalu makan bĕrsama₂ tĕtapi tĕkukor tidak bĕrkata-kata hanya masam sahaja).

faham = understand

di-tugaskan = duty

memang = of course

mĕngumpul = to collect

bĕrgĕmbira = lively

Arnab : Měngapa-kah sahabat-ku těrměnong sahaja, sila-lah makan lauk₂ yang sědap ini.

Tikus : Amboi! sědap-nya masak₂an arnab hari ini pandai sunggoh arnab ini měmasak-nya. Lěpas makan ini mahukah kamu sakalian měnulong saya běkěrja di-halaman ?

Těkukor : Ah ! balek₂ měngajak aku juga běkěrja, sěmua kěrja₂ dalam rumah ini aku sahaja yang měmbuat-nya.

Arnab : Bukan bagitu sahabat, kěrja₂ kami pun banyak juga.

Těkukor : Ah, karut sahaja, kamu běrdua hanya diam di-dalam rumah sahaja, tětapi aku kěluar jauh ka-dalam rimba.

Arnab : Kalau bagitu esok biar-lah saya pula buat kěrja-mu, tikus ganti kěrja-ku dan awak buat-lah kěrja tikus.

(Sa-tělah kěsokan hari-nya maka arnab pun kěluar-lah pěrgi měnchari kayu dan těkukor měmbawa timba pěrgi měngambil ayer. Apabila ia sampai di-sungai di-chedok-nya ayer sungai itu děngan timba-nya tětapi ia tidak upaya hěndak měngangkat ayer itu lalu těrlepas-lah timba-nya jatoh ka-dalam sungai. Tikus pula tidak upaya hěndak měngangkat pěrlok sa-hingga habis těr-bakar ekor-nya.

Běběrapa lama-nya měreka měnunggu arnab itu, tětapi ia tidak juga balek, maka kata těkukor, "Biar-lah saya pěrgi mělihat arnab itu di-hutan." Lalu ia pun těrbang-lah měnuju ka-hutan, di-lihat-nya běrsělerak kayu api běrtaboran di-sapanjang jalan, tětapi tidak ada arnab di-situ hanya di-lihat-nya sa-ekor sěrighala sědang dudok těrchangkong sambil měnjilat₂ lidah-nya).

Těkukor : Hai, sěrighala ada-kah tuan mělihat arnab di-sini ?

Sěrighala : Ya, ada baharu sahaja saya lihat ia di-sini.

rimba = *virgin forest* *chedok* = *ladle up*
těrchangkong = *squat with knees under arms.*
těrměnong = *pensive*



Tekukor : Di-mana-kah dia sekarang ?

Serigala : Ada di-dalam perut-ku ini, baharu sahaja ku-makan.
Sekarang lebih baik engkau pergi kalau tidak engkau juga ku-makan.

Maka tekukor itu pun terbang-lah pulang ka-rumah dengan tangis-nya, bila sampai di-rumah-nya lalu di-cheritakan kepada tikus; maka kedua-nya pun menangis-lah. Kemudian tikus pun masok-lah ka-dapor hendak berhidang nasi, apabila ia hendak menchedok gulai lalu tumpah-lah belanga gulai itu ka-badan-nya dan tikus pun mati-lah. Sa-telah beberapa lama burung menunggu tikus itu, tidak juga keluar, lalu pergi-lah ia ka-dapor di-lihat-nya tikus telah mati dan sa-puntong kayu api telah jatuh ka-lantai membakar rumah itu. Maka tekukor pun mati terbakar bersama₂ dengan rumah-nya.

Bagini-lah akan terjadi kepada sa-saorang yang suka mendengar asutan orang lain dengan tidak berfikir panjang akan baik dan burok-nya asutan₂ itu ada-nya.

So'al₂an :

1. Apa-kah kerja₂ binatang yang tiga ekor itu ?

2. Mengapa-kah murai ketawakan pada tekukor ?

3. Sebab apa tekukor marah dan beb₂al ?

4. Apa-kah jawapan serigala manakala di-tanya oleh tekukor ?

5. Bagaimana-kah tikus boleh mati ?

3) sebab ia perghaya kepada asutan burung
sa-puntong = a stump asutan = incitement

n) Manakala serigala di-tanya oleh tekukor
ia menjawab ya ada bahan sahaja saya
lihat dia di situ tetapi sekarang dia ada
di dalam perut ku ini.

Chari lawan-nya tiap₂ perkataan ini dan tulis di-tempat
kosong yang sa-tentang dengan-nya :—

buka, hidup, nipis, lapar, malam.

a. Buku ini terlalu tebal *nipis*

b. Bila siang dia tidak nampak *malam*

c. Jangan tutup pintu itu. *buka*

d. Kalau kenyang jangan makan *lapar*

e. Pokok itu sudah mati *hidup*

Tulis perkataan yang sama erti-nya dengan perkataan₂ ini :—

a. suka *gemar*

b. taroh *sumpan*

c. gaul *champion*

d. sayang *shinta*

e. emak *ibu*

PELAJARAN 7

BĒKĒRJA

BĒkĒrja, bĒkĒrja, bĒkĒrja,

Ini-lah sĒmboyan sĒgala pĒmuda,

Baik di-bandar atau di-desa,

Ta'boleh lagi bĒrmanja-manja.

Tidak bĒkĒrja bĒrĒti mati,

Ini harus kita fĒkiri,

'Adzab sĒngsara datang mĒndĒkati,

MĒnyĒrang mĒmalu tidak bĒrhĒnti.

'adzab = torment

Jika bĕkerja sa-habis daya,
Baik muda atau pun tua,
Hasil tĕtap boleh pĕrchaya,
Untong bahagia datang mĕnĕrpa.

Tĕtapi jika hĕndak bĕkerja,
Jangan pileh sĕnang sahaja,
Susah, bĕrat, tidak di-chuba,
Itu-lah tanda malas dan manja.

Suatu lagi harus di-ingati,
Jangan hanya untok sĕndiri,
Bĕkerja-lah juga untok nĕgĕri,
Tanah pujaan sa-tiap hari.

Bĕkerja-lah untok nusa dan bangsa,
Dĕngan sĕmangat yang kuat pĕrkasa,
Tĕntu di-anugĕrahi Tuhan yang esa,
Hidup ma'amor aman sĕntosa.

PĔLAJARAN 8

KAMPONG BĔRANI

Barangkali murid₂ sudah bĕlajar bĕrkĕnaan dĕngan pĕnyakit hawar, pĕnyakit ini sĕkarang jarang₂ bĕrlaku kapada manusia, hanya yang sĕlalu kita lihat tĕrjadi kapada binatang₂ tĕrutama ayam. Kadang₂ habis ayam₂ di-dalam sa-sabuah rĕban atau kam-

manja = spoilt
sĕmangat = spirit
di-anugĕrahi = bestow
mĕnĕrpa = spring forward
hawar = epidemic

pong mati di-sĕbabkan oleh pĕnyakit hawar yang bĕrbahaya ini. Bagitu-lah kĕadaan-nya bila ia tĕrjadi kapada manusia; dalam pĕmĕrentahan Jĕpun ada juga tĕrjadi pĕnyakit ini di-utara Tanah Mĕlayu dan di-sĕlatan Siam.

Di-bawah ini ia-lah suatu chĕrita yang bĕrlaku di-dalam sa-buah kampong bĕrnama Eyam di-England. Dalam tahun 1666 tĕlah tĕrjadi suatu pĕnyakit yang paling bĕrbahaya di-London. Pĕnyakit ini ia-lah hawar; bĕribu₂ manusia mati kĕrana-nya. Tiap₂ sa-orang pĕndudok London yang bĕrupaya pindah, tĕlah kĕluar bĕrpindah kĕrana takut mĕndapat pĕnyakit ini. Orang₂ yang bĕrpindah dari London ini-lah tĕlah mĕnyĕbabkan pĕnyakit itu mĕrebak ka-sĕluroh tĕmpat yang di-dudoki-nya.

Pĕndudok₂ di-kampong Eyam ini tĕlah mĕngambil kĕputusan tidak mahu mĕmbĕnarkan orang₂ luar datang diam di-kampong mĕreka kĕrana takut orang₂ itu akan mĕmbawa bĕneh pĕnyakit hawar itu pula. ³ Dalam pada itu ada sa-orang saudagar kain di-Eyam, ia tĕlah mĕnĕrima barang₂ dari London; maka kuman hawar ini tĕlah datang bĕrsama₂ dĕngan barang₂ saudagar itu lalu mĕrebak ka-sĕluroh kampong-nya. Sa-orang lĕpas sa-orang tĕlah mati, sa-hingga tiap₂ hari lĕbeh dari sa-puluh orang tĕlah mati kĕrana-nya. Makin sa-hari sa-makin banyak orang₂ yang mati.

Oleh sĕbab tĕrlalu ramai orang₂ yang mati, jadi tidak-lah sĕmpat mĕreka mĕngorek lubang₂ bagi mĕnanam tiap-tiap mayat itu; hanya mĕreka mĕngorek suatu liang bĕsar dan di-tanam sĕgala mayat₂ di-dalam-nya.

Dan lagi mĕreka tĕlah bĕrfikir yang mĕreka tĕlah putus harapan daripada mĕnyĕlamatkan nyawa mĕreka sĕndiri, tĕtapi maseh bĕrpĕluang bagi mĕnyĕlamatkan nyawa orang₂ lain. Jadi

mayat₂ = corpse
liang = a hole for burying a corpse.
diam = live

4) *bagi menyelamatkan nyawa orang lain*
make decision to proceed

mereka telah mengambil keputusan menengah orang, masuk dan keluar ka-kampung mereka. Dalam masa empat bulan lamanya kampung itu senyap sunyi tidak ada perniagaan dan pekerjaan yang hendak di-buat sebab bahan, dari luar tidak dapat di-bawa masuk, begitu juga barang, mereka tidak dapat di-hantar keluar.) Maka sakalian penduduk, di-kampung itu telah berhenti menunggu sa-hingga penyakit itu berhenti. Mereka tahu ada-lah lebih selamat jika mereka menengah orang, keluar masuk ka-kampung mereka. Sa-telah penyakit ini berhenti maka didapati hanya tinggal 40 orang sahaja penduduk, kampung mereka yang masih hidup.

So'al-an :

- penyakit hawar ialah suatu penyakit yang berbahaya dan berbahaya itu ialah baribus orang boleh mati kerana itu*
1. Apa dia penyakit hawar dan apa bahaya-nya?
 2. Mengapa penduduk, di-bandar London berpindah keluar pada T.M. 1666?
 3. Bagaimana-kah jalan-nya kuman hawar dapat berjangkit kepada penduduk, kampung Eyam?
 4. Apa-kah keputusan penduduk, di-kampung itu bagi menyelamatkan nyawa orang, lain?
 5. Mengapa segala kerja, di-kampung itu berhenti?

Isikan di-tempat, kosong dengan perkataan ini :—

dari, oleh, dengan, ka-dalam, kepada.

- (a) Bapa pergi ka-Ipoh *dengan* kapal terbang.
(b) Tuan datang *dar* mana?
(c) Jangan masuk *ke dalam* bilek darjah.
(d) Tulong beri surat ini *kepada* Yusof.
(e) Kereta ini di-tarek *oleh* lembu.

putus harapan = give up hope

bahan₂ = raw materials

(3) sebab sa orang saudagar kain di situ telah menerima barang₂ dari London.

PĒLAJARAN 9

BĒRCHUCHOK TANAM *farming*

concerning farming
Di-negeri, yang maju di-dalam hal pertanian, seperti di-Amerika, Eropah dan Jepun, (PĒladang, telah berusaha dengan sa-dapat-nya supaya hasil tanaman-nya berlipat ganda dari sa-tahun ka-satahun; sa-hingga tidak ada sa-bidang tanah pun yang di-biar kosong tidak bertanam.) Tanah yang tidak subur di-suborkan dengan di-buboh baja dan di-ikhtiarkan berbagai, jalan supaya dapat di-tanam pokok. Kalau tanah itu paya di-keringkan ayer-nya dan kalau tanah itu kering di-buat tali ayer ka-tempat itu.

clothes
Di-lereng, gunung, di-bukit, di-tanah, lembah dan di-paya, juga di-tanam oleh mereka berbagai, jenis tanaman yang sesuai dengan keadaan tanah-nya, supaya boleh memberi hasil atas penat jereh usaha mereka itu : demikian pula mereka telah menchari akal mereka berbagai, alat perkakas untuk berchuchok tanam. Maka dengan sa-bberapa boleh mereka menchuba menggunakan alat, pendapatan baharu bagi bekerja di-ladang, mereka, kita berasa hairan melihat berbagai, alat baharu yang telah digunakan oleh petani, di-dalam negeri yang telah maju itu.


3) *tractors*
(Kereta, tenggala yang besar, untuk membajak, jentera, untuk memotong padi, jentera pengempam ayer, kadang, kapal terbang juga di-gunakan bagi menabor benih gandum dan jagong, di-ladang mereka.) Tidak-kah malu rasa-nya ahli, pĒladang kita di-sini yang masih menggunakanajak, besi dan tenggala, kerbau bagi bekerja di-sawah mereka? Berbagai, jenis, baja telah di-buat dan di-reka mengikut jenis, tanaman. Dan lagi beberapa orang ahli, siasat yang sedang berusaha berikhtiar bagi membanyakkan hasil, tanaman di-dunia ini.

sa-bidang = a piece

di-ikhtiarkan = contrive means

pendapatan baharu = modern invention

membajak = to plough



(Gambar dengan ihsan USIS)


vari difference
 Sangat-lah jauh bedza-nya kalau di-bandingkan perkebunan orang di-Eropah dengan orang kita di-sini. Perkebunan orang di-Eropah itu di-tanam dengan berperatoran, lain macham keadaan tanah lain pula jenis baja dan tanaman-nya; juga cara menanam-nya tidak seperti orang kita; ya'ani mereka hanya menanam sa-rupa sahaja dengan tidak pula berperatoran.

not only
 Perusahaan berchuchok tanam ini bukan-nya sa-mata, berguna untuk bangsa dan negeri sendiri sahaja, tetapi hendak-lah di-usahakan juga supaya boleh di-jadikan hasil keluar negeri. Demikian-lah pula jangan-lah peladang itu memikirkan hasil tanaman mereka hanya untuk makanan keluarga mereka sahaja, tetapi hendak-lah di-gunakan untuk orang lain; seperti getah, kelapa dan pinang yang di-jadikan hasil keluar dari negeri kita ini.

hasil = product

peladang = farmers

Sa-lain daripada perusahaan yang di-buat oleh pekebun kecil, hendak-lah di-usahakan juga berkebun yang besar, seperti yang di-lakukan di-Benua Amerika Sharikat dan di-Australia yang mempunyai ladang gandum, jagong sa-hingga berbatu, luas-nya di-punyai oleh sa-sabuah sharikat, dengan menggunakan alat perkakas yang baharu belaka.



(Gambar dengan ihsan USIS)

So'al-an :

1. Apa-kah usaha yang di-buat oleh peladang bangsa Eropah dan Jepun ?
2. Mengapa-kah kita akan hairan melihat alatan yang dipakai oleh peladang yang maju itu ?
3. Apa dia perkakas yang baharu yang telah di-gunakan oleh peladang itu ?

pekebun = planters

③ Kita mesti mengadakan sharikat₂ ladang di sini supaya hasil tanam₂ di sini boleh jadi hasil keluar negeri supaya mendapat keuntungan yang banyak.

4. Bagaimana-kah keadaan tanaman₂ yang di-kehendaki oleh negeri?
5. Mengapa kita mesti mengadakan sharikat₂ ladang di sini?

Tambah-lah sa-kurang₂-nya dua pėrkataan pada tiap₂ satu tempat kosong ini, supaya jadi ayat lėngkap.

- a. Omar bėlajar *di sekolah Inggeris*
- b. *Dia bangun* pada pukul lapan.
- c. Mengapa awak *susah hati*
- d. Ia ucap tėrima kaseh *karada elu-nya*
- e. Awak bėri *buku karada* siapa?

Baiki ayat₂ ini :—

- a. pėpaya makan bapa suka.
Bapa suka makan pepaya
- b. Nor dėngan Muthu bėrgaduh.
Nor bergaduh dengan Muthu
- c. kueh itu sadikit Aminah ambil.
Aminah ambil sedikit kueh itu
- d. susah hati jangan emak.
Emak jangan susah hati
- e. tėlah bapa rumah sa-buah sewa.
Bapa telah sewa sebuah rumah.

PƏLAJARAN 10

SANG KANCHIL DƏNGAN BABI

Pada suatu hari sa-ekor kanchil tėlah bėrjumpa dėngan sa-ekor babi jantan, maka kata kanchil, "Saudara-ku Sang Sungkor, ada-kah binatang₂ di-rimba ini yang lėbeh kuat daripada manusia?" Maka sėgėra-lah di-jawab oleh babi jantan itu katanya, "Sahabat-ku Sang Kanchil, bodoh bėtul tuan ini; bukan-kah bangsa-ku ini tėlah tėrmashhor bėrani lagi kuat? Chubalah tuan tunjukkan kapada-ku yang mana di-namakan manusia itu".

Pada kėesokan hari-nya di-bawa-lah oleh kanchil akan babi jantan itu bėrjalan₂ dalam sa-buah bėlukar, tidak jauh dari jalan raya. Kėtika itu lalu-lah sa-orang budak hėndak pėrgi ka-sėkolah; kata babi jantan, "Ini-kah dia yang di-katakan manusia itu? Kalau bagini rupa-nya sa-kali aku sondol sahaja matilah dia." jawab kanchil, "Ini bėlum lagi mėnjadi manusia, baharu bakal sahaja." Sa-kėtika lagi bėrjalan₂ nampak-lah pula sa-orang tua bėrtongkat; ia bėrjalan tėrbongkok₂ sėbab tua-nya; kata babi jantan, "Ini-kah dia yang kamu katakan manusia itu? Jika macham ini aku sėntoh sahaja pun akan jatuh tunggang-langgang." Maka jawab kanchil, "Ini sudah lėpasan manusia, marilah kita bėrjalan lagi sadikit supaya aku tunjukkan kapada-mu yang sa-bėnar₂-nya manusia."

Kėmudian kėdua ekor binatang itu pun bėrjalan-lah masuk lagi ka-dalam hutan; sa-konyong₂ bėrtėmu-lah mėreka dėngan sa-orang pėmburu yang lėngkap dėngan sėnjata. Maka kata kanchil, "Ini-lah dia yang sa-bėnar-nya manusia sapėrti aku katakan kapada-mu, sėkarang chuba-lah tuan bėrlawan dėngan dia; biar-lah aku mėlihat dari dalam sėmak₂." Sa-tėlah itu babi jantan itu pun bėrbunyi-lah dėngan garang-nya bėrlari mėnėr-

tėrmashhor = famous
bėlukar = young jungle

tunjukkan = point out
babi jantan = boar

sa orang
kam kapada pëmburu itu hëndak di-sondol-nya dëngan taring-nya yang tajam itu. Tetapi bëlum sëmpat ia mënyondol kapada Si-pëmburu itu; ia tëläh di-tëmbak oleh pëmburu itu lalu mati.

Dëmikian-lah bijak-nya Sang Kanchil mëpërdayakan babi jantan yang sombong dan bongkak itu ada-nya.

So'al-an :

- rebas ia telah bertanya ada kah
1. Mëngapa babi jantan kata Sang Kanchil bodoh ?
2. Apa kata Sang Kanchil manakala babi bërtëmu dëngan budak sëkolah ?
3. Siapa-kah manusia yang sa-bënar-nya mëngikut kata Sang Kanchil ?
4. Apa-kah jadi-nya kapada babi jantan itu ?

Bëri përkataan₂ yang sama ërti-nya dëngan përkataan₂ ini :—

- (a) susun.....
(b) sunggoh.....
(c) ëngkau.....
(d) hampir.....
(e) chëpat.....

Chari lawan përkataan₂ ini dan tulis di-tëmpat₂ kosong di-hujung lawan-nya :—

tinggi, dalam, muda, hudoh, sëkarang.

- (a) Rupa-nya sangat chantek
(b) Dahulu ia sa-orang miskin
(c) Dia tinggi
(d) Laut itu chetek
(e) Orang tua itu baik.....

mëpërdayakan = deceive bongkak = arrogant

PĒLAJARAN 11

LAKSAMANA HANG TUAH

Nama (Laksamana Hang Tuah ini tëläh tërkenal ka-sëluruh 'Alam Mëlayu, dalam kurun Masehi yang këlima bëlās. Hari ini boleh di-katakan tidak ada sa-orang Mëlayu pun yang tidak kënäl nama-nya. Ia tërkenal sa-bagai sa-orang pahlawan yang ta'at sëtia kapada raja dan tanah ayer.

Hang Tuah di-lahirkan (di-Sungai Sayong), këmudian bapa-nya berpindah ka-Bentan, pada masa këchil lagi ia tëläh di-suroh bëlajar kapada sa-orang mu'alim (guru ugama) dan kapada pëndekar₂ mëpëljari 'ilmu parajurit. Ia mëmpunyai ëmpat orang sahabat yang sa-baya bërnama, Hang Jëbat, Hang Lëkir, Hang Kasturi dan Hang Lëkiu.

Pada masa Hang Tuah maseh budak₂ lagi, ia dan sahabat-nya tëläh dapat bërkhidmat kapada Dato' Bëndahara bagi mënëntang përompak₂ dan orang₂ yang mëngamok hëndak mëmbunoh dato' itu. Sa-tëläh dewasa ia dan sahabat-nya bërlima tëläh di-përsëmbahkan kapada Raja Mëlaka.² (Oleh sultan di-lantek-nya mëreka mënjadi pahlawan Kërajaan Mëlaka. Dalam masa Hang Tuah dan sahabat-nya mënjadi pahlawan Mëlaka, maka nëgëri Mëlaka ini tëläh mënjadi mashhor dan maju; sëbab mëreka tëläh dapat mënghapus përompak₂ di-laut Mëlaka, dan sakalian nëgëri₂ Mëlayu tërta'alok ka-Mëlaka. Mëreka juga tëläh përnah mënjadi utusan Raja Mëlaka ka-Majapahit dan ka-China.)

Nëgëri Mëlaka pada masa itu sangat-lah mashhor di-'Alam Mëlayu, ia tëläh mënjadi bandar pëlabohan yang utama di-sabëläh Timor dan mënjadi pusat pëmëntah nëgëri₂ Mëlayu; maka sëgala këmashhoran ini ia-lah di-sëbabkan oleh jasa Hang Tuah bërlima bërsaudara ada-nya.

laksamana = admiral

ta'at = obedient

mu'alim = religious teacher

tërkenal = well-known

dewasa = adult

bëndahara = chamberlain

HANG TUAH KEDUA

(Ta'at setia kepada Raja)

Pada suatu masa Hang Tuah telah di-hukum bunuh oleh Raja Melaka sebab ia telah di-fitnahkan oleh pegawai yang sakit hati kapada-nya. Tetapi Bendahara Sri Maharaja tidak membunh-nya hanya di-simpan di-dalam suatu tempat. Oleh sebab hukuman Raja Melaka yang kurang siasat ini, maka Hang Jebat sahabat baik Hang Tuah telah mendèrhaka (untuk menuntut bela kematian Hang Tuah,) lalu ia mengamok di-istana raja. Maka sultan Melaka pun melarikan diri-nya di-rumah Bendahara dan menitahkan beberapa orang pahlawan, Melaka menawan Hang Jebat maka sakalian usaha itu sia, sahaja kerana Hang Jebat itu tersangat gagah.

Sa-telah berlaku huru-hara di-Melaka maka sultan Melaka pun menyesal-lah akan hukuman-nya kapada Hang Tuah itu dan menyebut, akan kebaktian-nya; manakala di-dengar oleh Bendahara maka ia pun membawa-lah Hang Tuah datang menghadap sultan. Oleh sultan di-titah-nya Hang Tuah pergi menawan Hang Jebat pendèrhaka itu. Maka Hang Tuah pun menerima-lah perintah baginda kerana ia berjogankan "Melayu tidak dèrhaka kapada raja-nya," lalu pergi menentang sahabat baik-nya. Akhir-nya Hang Jebat telah mati di-tikam oleh keris Hang Tuah sendiri, maka dengan hati yang hiba Hang Tuah telah meriba mayat sahabat-nya, lalu di-kbumikan sa-bagai mana isti'adat orang besar, Melaka.

5/ Hang Tuah telah mati dengan meninggal riwayat keperwiraan-nya yang gilang-gemilang untuk menjadi pujaan orang, Melayu. Walau pun ia telah mati di-Melaka tetapi semangat dan jasa-nya maseh kekal hidup menjadi sumbangan kapada penduduk, di-'Alam Melayu hingga sampai sekarang.

siasat = investigate

mēnuntut bela = revenge

mēndèrhaka = be a traitor

isti'adat = ceremonial





So'al,an :

1. Siapa dia Hang Tuah dan di-mana-kah ia di-përanakkan?
2. Apa-kah khidmat₂ Hang Tuah kapada Raja Mëlaka ?
3. Mëngapa Hang Jëbat mëndërhaka kapada Raja Mëlaka?
4. Sëbab apa Hang Tuah mëmbunoh Hang Jëbat ?
5. Bagaimana sambutan orang-orang Mëlayu tërhadap Hang Tuah ?

Tambahkan sa-kurang₂-nya dua përkataan pada tiap₂ tëm-pat yang kosong supaya mënjadi ayat₂ :—

1. Chërita₂ itu sëmua-nya
2. Pëtang ini datang main bola.
3. sa-ekor kambing.
4. Omar sangat suka
5. sudah pandai bacha buku.

Mengajar

PĒLAJARAN 12

PASOKAN BROWNIE

Norlia : Amboi, chantek bënar pakaian anak-mu ini Normah; bërbaaju biru, bër tali leher dan bërtopi; këmäs dan sikap nampak-nya.

Normah : Itu-lah budak₂ sëkarang, bila sudah bër sëkolah pandai pula mënjadi pasokan Brownie di-sëkolah-nya. Hari ini pasokan mëreka hëndak përgi mënyambut këdatangan këtua mëreka dari Kuala Lumpur.

këmäs = tidy

Norlia : Apa-kah erti-nya **Brownie** itu ?

Normah : (Erti-nya ia-lah orang yang kecil yang sentiasa berbuat baik; suka tinggal di-dalam rumah dengan tidak nakal dan suka pula membuat kebajikan kepada orang ramai) **Brownie** ini membuat sa-suatu kerja kebajikan dalam diam₂ sahaja, tidak mahu bermegah₂ dan tidak pula berkehendak puji, hadiah atau apa₂ balasan daripada apa₂ kerja₂ yang di-buat-nya itu; hanya mereka berfikir ada-lah kerja itu ia-lah suatu kewajipan mereka terhadap orang ramai.

Norlia : Kalau begitu bagus benar tujuan-nya, bagaimana pula chara guru₂ mengajar mereka ?

Normah : Chara-nya susah sedikit; (mereka bukan hanya di-ajar di-dalam bilek darjah seperti murid₂ sekolah, bahkan mereka di-bawa bermain berjenis permainan, di-bawa berjalan₂ bagi meluaskan pemandangan; dan lagi di-ajar juga menyiasat dan mengutip ilmu pengetahuan yang berguna) dan juga di-beri nasihat dan sharahan₂ yang boleh mem-baiki bentuk budi pekerti yang boleh mendatangkan kebajikan kepada kedua ibu bapa, kaum-keluarga, bangsa, raja, dan negara mereka.

Norlia : Bagaimana pula tanda₂ kehormatan mereka ?

Normah : (Apabila sa-saorang **Brownie** itu hendak berjabat tangan dengan kawan-nya, hendak-lah ia berjabat dengan tangan kiri seperti pengakap juga. Tangan kanan mem-beri hormat ka-dahj dengan dua jari, tidak tiga jari seperti pengakap) maka kehormatan yang sa-macham ini hanya di-beri kepada ketua₂ yang berpangkat tinggi sahaja; jika sama rakan₂ mereka, boleh-lah mengangkat tangan sa-kadar bahu sahaja.

kewajipan = obligation
pemandangan = scenery

sharahan₂ = lectures
nakal = mischievous

promises
Norlia : Ada-kah **Brownie** ini juga mempunyai sumpah setia seperti pengakap ?

Normah : Ya, mereka ada dua sumpahan, pertama ta'at kepada Allah, kedua ta'at kepada pemerintah raja dan ketua.

Norlia : Tidak-kah mereka mempunyai undang₂ ?

Normah : (Mereka hanya mempunyai dua undang₂ sahaja; pertama : Ada-lah **Brownie** itu sa-orang yang selalu menurut nasihat dan ajaran orang₂ yang tertua daripada-nya. Kedua : Ada-lah **Brownie** itu sa-orang yang tidak mengikut kehendak hati-nya sahaja)

Norlia : Lagi apa-kah pelajaran yang mereka mesti ketahui dan mesti lakukan ?

Normah : (Sa-saorang **Brownie** wajib membuat kebajikan kepada sakalian makhluk Tuhan, ia hendak-lah menyukakan hati dengan bermain₂, berkhemah, belajar memasak makanan dan mempelajari tabi'at₂ binatang. Dan lagi mereka harus menyukakan hati kedua ibu bapa, sahabat kenalan, orang₂ dagang, tidak kira laki₂, perempuan dan kanak₂. Mereka harus juga menolong orang₂ tua, memimpin kanak₂ pada masa menyebarkan jalan dan hendak-lah mereka sentiasa tersenyum walau pun di-dalam masa kesusahan.)

So'al-an :

1. Apa-kah erti-nya Brownie ?
2. Apa₂ pelajaran yang di-pelajari oleh mereka ?
3. Bagaimana-kah chara₂ mereka mem-beri hormat ?
4. Apa-kah undang₂ mereka pula ?
5. Apa-kah perkara₂ yang mesti di-buat oleh mereka ?

undang₂ = laws
makhlok = mankind
sumpah = oath.

nasihat = advise
tabi'at = character


Isikan di-těmpat₂ kosong dalam ayat₂ di-bawah děngan pěr-kataan₂ ini :—

bagi, oleh, di-, děngan, ka-

- (a) Tiap₂ hari ia datang *děngan* bas.
(b) Kami sělal_u pěrgi *ka* sana měngambil ayer.
(c) Basikal itu di-běli *oleh* bapa-nya.
(d) Sěkolah ini *bagi* murid₂ buta.
(e) Ia akan datang *di* sini pada pukul 10.00 pagi.

Ator sa-mula pěr-kataan₂ dalam tiap₂ satu ayat di-bawah ini supaya bětul :—

- (a) sědang tikus měngějar kuching.
Kuching sědang měngějar tikus
- (b) Budak itu děngan adek-nya datang.
Budak itu datang děngan adek-nya
- (c) Saya kawan itu budak.
Budak itu kawan saya
- (d) Murid₂ di-padang sědang běrmain.
Murid₂ sědang běrmain di padang
- (e) Burong itu hinggap pokok di-atas.
Burong itu hinggap di atas pokok



dēmikian saya pērchaya taraf kēhidupan ra'ayat nēgēri ini akan tinggi.

Omar, Yusof, Hashim : Tuan pula apa-kah yang tuan hēndak buat ?

Raja : / Saya hēndak buat apa yang saya boleh buat sahaja : kalau saya pēladang, saya bēkērja di-ladang saya : kalau saya tukang, saya bērtukang; pendek-nya saya buat apa-apa yang saya boleh dan sanggup bērbuat sahaja.

Sa-tēlah itu baginda pun bērjalan-lah pulang ka-istana baginda. Pada esok hari-nya baginda mēnitahkan biduanda-nya pērgi mēmanggil kētiga₂ orang pēladang itu datang mēngadap. Maka kētiga pēladang itu pun datang-lah mēngadap dēngan kētakutan-nya.

Raja : Hai orang muda, kēlmarin beta tēlah dēngar kamu bērchakap₂ hēndak buat jasa kapada tanah ayer; oleh itu dari hari ini beta lantek kamu Yusof, mēnjadi Mēntēri Pēlajaran; kamu Hashim, mēnjadi Mēntēri Pērtahanan dan kamu Omar mēnjadi Mēntēri Pērtanian dan Pērikanan; ia-itu mēngikut chakap₂ kamu kēlmarin; sēkarang pulang-lah kamu ka-rumah masing₂ beta bēri chuti sa-minggu; dalam masa chuti ini hēndak-lah kamu mēnyēdiakan ranchangan kērja₂ yang kamu akan buat dan lēpas itu bawa-lah ka-mari supaya beta bēntangkan dalam majlis mēshuarat nēgēri ini kēlak.

Maka kētiga₂ orang pēladang itu pun kēmbali-lah ka-rumah mēreka dēngan kētakutan. Sa-malam₂ an itu kētiga₂ orang mēreka tidak-lah dapat tidor, lēka dēngan bērunding, bērtēngkar dan bērbalah kērana masing₂ ta'tahu apa yang mēreka hēndak buat untok di-hadap kapada raja. Pada esok-nya pagi₂ lagi pērgi-lah mēreka bērtiga mēngadap raja.

taraf kēhidupan = standard of living

sanggup = ability to

bērbalah = wrangle



Peladang: Ampun tuan-ku, terima-lah balek jawapan yang tuan-ku kurnia kapada patek, bertiga ini; kerana puas-lah patek berfikir sa-malam, an yang lepas, menchari jalan, bagi meranchangkan kerja patek itu tidak-lah patek, sakalian sanggup dan layak membuat-nya, kerana patek bertiga ini hanya peladang sahaja, tidak pula tahu membacha dan menulis. *dan sanggup dan layak menjadi mertua*

Raja: (Hai orang muda, ingat-lah kamu sakalian; sa-baik, kerja untok membuat jasa kapada tanah ayer kamu, ia-lah membuat apa juga kerja yang kamu boleh buat; berchuchok tanam pun, buat jasa juga, menjadi askar pun buat jasa juga belajar pun buat jasa juga; pendek-nya sa-barang kerja kamu itu semua-nya di-hitong buat jasa kapada tanah ayer belaka.)

(Sekarang pulang-lah kamu membuat sawah-mu supaya padi-mu itu dapat menolong memberi makan kapada ra'ayat negeri ini. *Citizen*)

So'al-an :

1. Apa-kah chita, tiga orang peladang itu ?
2. Bagaimana-kah pula jawapan Raja bila di-tanya oleh peladang, itu ?
3. Mengapa mereka tidak menerima jawatan yang di-beri oleh Raja ?
4. Apa pula nasihat baginda kapada mereka ?

Chari lawan-nya tiap, perkataan ini dan tulis di-tempat, kosong yang sa-tentang dengan-nya :—

buka, hidup, nipis, lapar, malam.

- a. Buku ini terlalu **tébal** *nipis*

kurnia = bestow tanah ayer = country

- b. Bila **siang** dia tidak nampak *malam*
- c. Jangan **tutup** pintu itu..... *buka*
- d. Kalau **kényang** jangan makan *lapar*
- e. Pokok itu sudah **mati** *hidup*

Tulis perkataan yang sama erti-nya dengan perkataan, ini :—

- a. suka *gmap*
- b. taroh *butoh betak simpan*
- c. gaul *chamros*
- d. sayang *sedih*
- e. émak *ibu*

PĒLAJARAN 15

HAK BĒRSUARA

Ada pun fahaman ini berasal dari orang, Yunan, dalam bahasa mereka di-sebut Demos=ra'ayat cratia=pemerintahan; yang sekarang di-sebut Democracy berm'ana Pemerintahan ra'ayat. Fahaman, ini ada-lah di-jalankan di-Benua Amerika oleh Presiden Jefferson pada tahun 1792. Maka di-dalam fahaman ini peladang, guru, doktor, buruh, saudagar, ahli, pasokan bersenjata, orang, kaya, orang, bangsawan dan sakalian anak negeri berhak untok bersuara.

Maka hak bersuara ini, erti-nya tiap, sa-orang ra'ayat dapat bersuara memilih mengikut persetujuan masing. Dan lagi apa, yang telah di-pilih oleh orang ramai dengan suara yang terbanyak, maka hendak-lah kita sakalian patoh dengan pilihan itu.

bersuara = =to vote

Ada dua jalan-nya kita dapat mēngēluarkan suara, suatu dari-pada-nya kita bērhak mēngēluarkan suara bagi mēmilih sa-suatu kētetapan, mithal-nya; sēmuā murid, hēndak mēmakai pakaian sērāma; kalau kita di-suroh pileh di-antara sa-tuju dēngan tidak yang mana kita mahu?



Kita pērchaya sēmuā murid, tēntu sudah tahu bagaimana chara-nya undi raya yang tēlah di-jalankan bagi mēmilih chālun, untok mēnjadi Ahli Majlis Mēshuarat Undangan dan Majlis Mēshuarat Bandaran. Maka bagitu-lah juga chara-nya yang patut di-buat bagi mēngundi tēntang pakaian sērāma itu. Sa-tēlah pungutan suara, itu sēlēsai di-jalankan, lalu di-hitong kērtas undian; mana, pehak undian yang di-dapati banyak sēkali undian-nya lalu di-buat-lah kētetapan bagi pehak itu. Sakalian murid, hēndak-lah patoh kapada kētetapan yang di-buat dēngan jalan undi itu. Ini-lah chara-nya yang baik sēkali untok mēngambil sa-suatu kēputusan; di-namakan chara undi atau hak bērsuara.

Lagi satu pungutan suara di-lakukan bagi mēmilih orang, untok mēnjadi Kētua Kampong, Pēnghulu, Jawatan Kuasa Mukim, Ahli Majlis Mēshuarat Bandaran Nēgēri dan lain. Maka

chalun₂ = candidates

pungutan suara = poll

sakalian kētua, ini sa-patut-nya tērpilih dari orang, yang sēlalu mēmikir dan mēmēntingkan kēsēlamatan pēndudok, di-kawasan, yang di-wakil-nya. (3) Kalau pilehan raya nēgēri di-adakan; tiap, ra'ayat nēgēri itu bērkumpul di-masing, kawasan tēmpat undi, lalu mēmbuang undi. Barang siapa yang mēndapat suara yang tērbanyak di-antara orang, yang di-chalunkan, maka dia-lah yang di-lantek di-namakan "Ahli Yang Tērlantek." Banyak di-antara ra'ayat, yang mēmbuang undi, biasa-nya mēreka mēngikut pēndapatan orang lain, akhir-nya mēreka sēndiri akan mēnyēsāl.

Ada lagi satu kēsalahan, ia-itu ada orang, yang malas hēndak mēngundi atau mēngēluarkan suara-nya. Manakala kita tidak mahu bēkērjasama bagi mēnyusun undang, atau mēmilih wakil kita, maka jangan-lah kita marah bila tērjadi sa-suatu pērkara yang bērlawan dēngan kēmahuan kita. Sa-baik-nya kita hēndak-lah bērsama-sama mēnyusun undang, dēngan mēmilih wakil, kita untok kēbaikan bērsama. Maka sayugia-nya hēndak-lah kita ingat bētul, untok kēbaikan nēgēri; ia-itu bila sa-suatu undang, yang tēlah di-rasmikan atau sa-saorang yang tērpilih dēngan suara yang tērbanyak, maka hēndak-lah kita patoh kapada kēputusan itu, mēski pun kita tidak tērmasok di-dalam bilangan suara yang tērbanyak itu. Ini-lah di-katakan sa-bēnar-nya kita sa-orang yang bērfahaman Democracy.

So'alan :

1. Apa-kah erti-nya Democracy ?
2. Apa-kah erti-nya hak bērsuara ?
3. Bagaimana-kah chara mēngundi dan mēmilih wakil ra'ayat ?

ahli yang tērlantek = elected member

suara yang tērbanyak = majority

kawasan tēmpat undi = polling station

patoh = obedient

kēputusan = result

untok kēbaikan nēgēri = for the good of the country.

4. Apa-kah kesalahan-nya orang₂ yang tidak mēngundi itu ?
5. Bagaimana-kah yang di-katakan fahaman Democracy yang sa-bēnar-nya ?

Isikan di-tēmpat₂ kosong dēngan pērkataan ini :—

dari, oleh, dēngan, ka-dalam, kapada.

- (a) Bapa pērgi ka-Ipoh *dengan* kapal tērbang.
- (b) Tuan datang *dari* mana ?
- (c) Jangan masok *ka dalam* bilek darjah.
- (d) Tulong bēri surat ini *kapada* Yusof.
- (e) Kēreta ini di-tarek *oleh* lēmbu.

PĒLAJARAN 16

RAJA YANG 'ADIL

Pada zaman dahulu ada sa-orang raja yang tērsangat 'adil lagi budiman, bērnama Sultan Iskandar Shah. Maka sēluroh nēgēri ta'alok baginda di-dalam aman dan ma'amor; sakalian ra'ayat nēgēri itu tērsangat-lah puas hati di-atas kē'adilan dan kēbijaksana pēmērentahan baginda itu. Pada satu masa datang-lah sa-orang hulubalang mēngadap dēngan mēmbawa sa-orang kanak₂ kēchil bērsama₂ dēngan dua orang pērēmpuan yang mēngērbang rambut dan bēngkak₂ di-muka-nya. Apabila sampai ka-balai pēnghadapan hulubalang itu pun mēnyēmbah.

Hulubalang : Ampun tuan-ku patek bērdatang sēmbah mēmbawa dua orang pērēmpuan ini.

bēngkak₂ = swollen

mēnyēmbah = speak (of a subject to a ruler)

settle
Sultan : Tidak-kah hulubalang-ku boleh sēlēsaikan sēndiri pērkara ini ?

ask
Hulubalang : Ampun tuan-ku, patek mēmohonkan ampun, pērkara ini sangat-lah kusut tidak ada sa-orang pun yang boleh mēnjadi saksi dalam pērkara ini.

turn round
Baginda bērpaling kapada pērēmpuan bērdua itu lalu bērtitah.

Sultan : Hai pērēmpuan siapa-kah nama-mu dan mēngapa kamu bērdua bērkēlahi ini ?

Pērēmpuan I : Daulat tuan-ku, nama patek Fatimah, patek tēlah mēlahirkan anak patek ini sudah tiga bulan lama-nya; kēmudian ia tēlah di-churi oleh pērēmpuan itu; sēbab ini-lah patek bērkēlahi dēngan-nya kērana hēndak mēngambil kēmbali anak patek, tuan-ku !

Baginda mēmaling kapada pērēmpuan yang lagi satu sēraya bērtitah :

Baginda : Hai pērēmpuan, siapa-kah nama-mu dan bētul-kah kamu yang mēnchuri kanak₂ itu ?

Pērēmpuan II : Ampun tuan-ku bēribu₂ ampun, nama patek Salbiah, patek tidak sēkali₂ mēnchuri kanak₂ ini.

Sultan : Hai Salbiah, bērkata bētul kamu kapada aku.

Salbiah : Ya tuan-ku, patek tidak bērdusta, sa-bēnar-nya pērēmpuan ini-lah yang mēnchuri anak patek.

Baginda tērmēnong sa-jurus lama-nya mēnchari fikiran, lalu bērtitah :

Baginda : Hai pērēmpuan bērdua, kalau bagitu kanak₂ ini sa-bēnar-nya anak kamu bērdua; (baginda mēmandang kapada

bērtitah = speak (of princes) saksi = witness
ampun = pardon



hulubalang-nya sambil bértitah) Hai hulubalang-ku lětakan-lah kanak₂ itu di-atas meja supaya ku-bělahkan dia untok di-bëri kapada kědua orang pěrėmpuan itu.

3 (Maka baginda ^{draw out} mēnghunus pėdang-nya lalu mēngangkat hėndak di-bělah-nya kanak₂ itu; sa-tėlah di-lihat oleh Fatimah ia pun mērėbahkan diri-nya lalu mēnchium kaki sultan sambil bėrkata: ^{prostrate}

Fatimah: Ampun! Ampun! tuan-ku; hukum-lah patek ini, tėtapi pėlihara-lah nyawa kanak₂ yang tidak bėrdosa itu, bėrikan-lah dia kapada Salbiah supaya di-pėlihara-nya.)

Salbiah: Tėruskan-lah! Tėruskan-lah! tuan-ku, bėlah-lah kanak₂ itu kėrana ini-lah hukuman yang sa-'adil₂-nya.

Sultan: Fatimah, bangun-lah kamu beta tidak waham lagi, ģngkau-lah Fatimah, ģngkau-lah ibu kanak₂ itu yang sėjati; pėlihara-lah ia baik₂.

Kėmudian baginda mėmandang kapada hulubalang-nya.

Sultan: (Hai hulubalang sėgėra-lah tangkap pěrėmpuan pėngkhianat ini, pėnjarakan dia sėgėra.)

Dėmikian-lah kuat-nya kaseh sayang sa-orang ibu tėrhadap anak kandongan-nya, sa-hingga sanggup mēngorbakan nyawa sėndiri untok kėsėlamatan anak-nya.

So'al-an :

- Sultan Iskandar Shah*
1. Siapa-kah bėrkata, "Tidak-kah hulubalang-ku boleh sėlėsaikan hal ini?"
 2. Mėngapa-kah kědua orang pěrėmpuan itu bėrkėlahi?

bėrdusta = to lie
sėjati = genuine

waham = suspicion
pėngkhianat = a traitor

Kerana mēribut kanak₂ itu.

3. Fatimah dia tahu kesalamatan anak-nya, oleh itu tahu lah baginda ia itu Fatimah lah ibu kanak-nya itu ?
 4. Apa-kah hukuman baginda kepada Salbiah ?

Tambah-lah sa-kurang₂-nya dua pĕrkataan pada tiap₂ satu tĕmpat kosong ini, supaya jadi ayat lĕngkap.

- a. Yusof mandi.....
- b.pada waktu pagi.
- c. Siapa kata.....
- d. Ia datang bĕrjumpa dĕngan.....
- e. Mĕreka bĕli.....siapa ?

Baiki ayat₂ ini :—

- a. nanas makan saya suka.

- b. Ah Chong dĕngan Muthu bĕrmain.

- c. kueh itu sadikit Noriah makan.

- d. sakit hati jangan awak.

- e. tĕlah bapa basikal sa-buah bĕli.

4) Salbiah di langkap dan di pnyarakan

PĒLAJARAN 17

KĒHIDUPAN DI-KAMPONG DAN DI-BANDAR

Kĕhidupan orang₂ di-kampung sangat mulia, mĕreka diam jauh dari bandar₂, tĕmpat mĕreka sunyi sĕnyap tidak tĕrdĕngar suara injin motokar, suara pĕnjaja₂, dan jauh sĕkali dari sĕgala kĕsebokan. Mĕreka bĕkĕrja bĕrchuchok tanam dan bĕrsawah padi; dalam musharakat mĕreka jarang₂ tĕrdapat tipu-daya dan bĕrchakap bohong. Mĕreka ini-lah bĕkĕrja bagi mĕngĕluarkan hasil₂ nĕgĕri, dan bahan₂ makanan untok ra'ayat. Sunggoh pun badan mĕreka kotor, pakaian mĕreka bĕrlumpor, tĕtapi hati mĕreka bĕrseh, jiwa mĕreka suchi. (Pĕrgaulan rapat-rat lagi bĕrbudi tinggi.) Hidup di-kampung ini lĕbeh baik dari di-bandar, makanan chukup dan mĕreka tidak akan mĕrasa lapar sapĕrti yang pĕrnah bĕrlaku kapada orang₂ di-bandar.

Dan lagi di-kampung tĕrhadap udara bĕrseh, pĕmandangan indah, musharakat suchi. Di-sini-lah tĕmpat ra'ayat diam. Di-sini-lah juga banyak mata pĕncharian untok kĕhidupan. Orang₂ di-bandar ia-lah orang sĕnang, sĕgala₂-nya, ada dan sĕdia; ada panggong wayang dan bĕrmacham₂ pĕmainan. Jalan-nya pun elok bila malam tĕrang bĕndĕrang dĕngan lampu₂, kĕreta₂, dan kĕndĕraan bĕrselang-pukang ka-sana ka-mari: pendek-nya pĕnoh dĕngan kĕsĕnangan dan kĕgĕmbiraan.

Maka sĕgala kĕsĕnangan dan kĕgĕmbiraan ini tĕrgantong kapada wang, kalau ta'ada wang sĕmua-nya luput dan lĕnyap. Dalam bandar bĕlanja susah, untok bĕlanja hidup sangat pahit, kĕrap-kali pĕndapatan tidak sa-timbang dĕngan pĕrbĕlanjaan; dapat sa-ratus bĕlanja sa-ratus sa-puluh. Banyak pĕmuda₂ dari kampung yang mĕnuju ka-bandar, (sĕbab mĕreka sangka hidup

- pĕnjaja₂ = hawkers
- suchi = pure
- udara bĕrseh = pure air
- pĕncharian = means of livelihood.
- musharakat = society
- pĕrgaulan = social
- diam = live



di-bandar lēbeh sēnang dari kampung mēreka; tētapi mēreka sudah lupa di-kampung ada banyak kērja, bērchuchok tanam, bērsawah padi, bērtērnak dan lain₂ lagi; pendek-nya kērja₂ ini dapat mēmbēri kēhidupan yang sēmpurna dan dapat pula mēmēnohkan kēhēndak ra'ayat.

So'al₂an :

1. Bagaimana-kah pērgaulan di-kampung ?
2. Mēngapa-kah di-katakan orang₂ di-bandar, orang sēnang?
3. Apa-kah sangkaan sa-tēngah dari pēmuda₂ di-kampung yang bērchita₂ hēndak diam di-bandar ?
4. Apa-kah kērja₂ yang dapat di-buat di-kampung ?

Bēri lawan-nya pērkataan (a) sampai (e). Pileh dari pērkataan₂ ini :—

kanan, kaya, bēli, pētang, basah.

- (a) miskin
- (b) kiri
- (c) kēring
- (d) jual
- (e) pagi

Tulis pērkataan₂ ini di-hujung tiap-tiap ayat yang sama ērti dēngan-nya :—

chuchi, bapa, kawan, masa, lapek.

- (a) Waktu itu saya ada di-rumah
- (b) Ayah dia sudah mati
- (c) Alas meja itu dēngan kain
- (d) Basoh sampai bērseh.
- (e) Saya ada sa-orang rakan.....

PĒLAJARAN 18

CHRISTOPHER COLUMBUS

Bēbērapa tahun yang lalu ia-itu pada tahun 1446 sa-orang budak tēlah di-pēranakkan dalam sa-buah bandar di-Italy. Ba-rangkali tidak ada sa-orang pun yang bērkēnan pada budak ini, tētapi budak ini tēlah membuat jasa bēsar kapada dunia yang tidak boleh di-buat oleh budak, lain. Budak ini bērnama Chris-topher Columbus ia di-pēranakkan di-Genoa; sēmuā kanak, di-dunia ini memang gēmar mēlihat kapal dan ingin hēndak bē-lyar. Christopher juga pada masa kēchil-nya sangat gēmar mē-mērhati kapal, masok kēluar di-pēlabohan Genoa. Ia bērchita, akan mēlawat nēgēri, luar di-tēmpat kapal, itu bērniaga.

Sa-tēlah sampai masa-nya ia pun mulai-lah bēlyar di-Laut-an Atlantic dan di-laut utara England. Pada masa itu ramai orang, mēngatakan ada-lah dunia ini rata lagi terhampar; kē-lasi, kapal juga mēnyangka jikalau kapal mēreka bēlyar jauh, tēntu-lah akan jatuh di-hujong dunia. Columbus tidak pērcha-ya dēngan chakap, itu, ia mēmpēlajari buku, dan pēta, yang mē-ngatakan dunia ini bulat sapērti bola. Sēmuā orang kētawa kapada-nya, tētapi ia tētap mēngatakan dunia ini bulat. Jadi fikiran Columbus yang baharu itu sa-umpama kasut baharu, tidak sēdap di-pakai, dan fikiran yang lama (kasut lama) lēbeh sēdap di-pakai, jadi sēmuā orang, masa itu tidak mahu mē-makai fikiran Columbus yang baharu itu.

Bēbērapa tahun sa-bēlum Columbus dzahir; saudagar, di-Eropah tēlah bērjumpa dēngan jalan, laut ka-India. Masa itu sangat susah hēndak mēnghantar barang, ka-sabēlah timor ini, tērpaksa mēnggunakan kapal, kēmuā di-pindahkan pula dē-ngan jalan darat di-bawa oleh unta, mēlalui padang pasir dan di-pindah sa-mula ka-dalam kapal, baharu-lah sampai ka-nēgēri,

kēlasi₂ kapal = sailors
pēta₂ = maps

pēlabohan = anchorage
mēlalui = pass through

di-sabēlah timor. Maka sēgala barang, ini di-tukar-nya dēngan rēmpah, sutēra, gading dan pērmata. Sa-kira-nya pērjalanan ini sēlamat sa-kali pun ia tērpaksa mēmakan masa yang lama dan bēlanja yang paling bēsar. Dēngan sēbab ini tidak-lah kita hairan mēlihat saudagar, pada masa itu bērikhtiar mēnchari jalan yang sa-habis, dēkat ka-sabēlah timor ini.

Columbus tēlah bērfikir yang Lautan Atlantic itu bērjalor bēbērapa batu ka-barat, dan ahli, pēngembara pula mēnchē-ritakan bahawa di-timor Asia ada lagi suatu lautan bēsar; jadi yakin-lah di-hati Columbus mēngatakan harus kēdua, lautan yang di-timor Asia dan di-barat Eropah itu sa-bēnar-nya satu sahaja. Pada fikiran-nya jika ia bēlyar ka-sabēlah barat, tē-tap ia akan sampai ka-timor dan ka-India. Pada masa itu tidak-lah ada sa-orang pun yang bērfikir dēmikian; oleh sēbab Columbus ini sa-orang miskin jadi tidak-lah upaya ia hēndak mēmbēli sa-buah kapal bagi mēnyaksikan kēbēnaran fikiran-nya itu, hanya ada satu jalan sahaja yang dapat ia lakukan ia-itu dēngan mēminta pinjam wang daripada sa-saorang. Maka pērkara ini tēntu-lah lēbeh sēnang bērchakap dari mēmbuat-nya, kērana banyak orang, yang mēngejek, dia dēngan bērkata, "Saya suka hēndak mēnulong kamu, tētapi masa tidak mēngidzinkan saya bērbuat dēmikian," orang, lain pula kētawakan dia dēngan mēnudoh ia tēlah gila.

CHRISTOPHER COLUMBUS — (Sambongan)

Bēbērapa tahun kēmuā ia tēlah pērgi mēngadap King Ferdinand dan Queen Isabella yang mēnjadi Raja Spain. Maka pērmintaan Columbus ini tēlah di-tolak sēbab Spain sēdang bē-pērang dēngan orang, Arab. Columbus masēh tētap chēkal kapada kēpērchayaan-nya walau pun harapan mēndapat pin-jaman itu tēlah jauh sama sēkali. Ia tēlah juga mēminta pēr-tolongan kapada Kērajaan Pēranchis tētapi tidak bērjaya. Sa-

rēmpah₂ = spices
mēngejek₂ = to mock
kēbēnaran = approval

tělah Spain bėrhėnti bėrpėrang dėngan 'Arab, maka Queen Isabella tėlaha mėmanggil Columbus dan mėmbėri wang sėrta mėlantek dia mėnjadi Laksamana. Columbus tėlalu sukachita kėrana bėnda yang di-harap-nya bėbėrapa lama itu tėlaha bėrhasil. Maka dėngan pėmbėrian wang itu ia tėlaha mėmbėli tiga buah kapal kėchil di-namakan "Caravels" dan kapal-nya pula di-namakan **Santa Maria, Pinta dan Nina.**


Columbus tėlaha bėlayar dėngan mėnguchapkan sėlamat tingal kapada Spain pada 2 August T.M. 1492 bėrsama dėngan lapan puloh lapan orang kėlasi-nya, untok mėnchari jalan baharu ka-India. Ia bėlayar mėnuju ka-sabėlaha Barat yang bėlum pėrnah sa-orang manusia pun bėrani bėrbuat dėmikian. Bėbėrapa lama-nya Laksamana Columbus bėlayar itu tidak-lah mėreka dapat mėlihat apa pun sa-lain daripada ombak laut sahaja. Maka sėgala kėlasi pun mulai-lah bėrasa takut, dan mėngatakan, "Bėtul-lah sėgala pėrkataan orang di-Spain kapada Columbus mėngatakan dia tėlaha gila, sėkarang kita tėntu tidak akan bėrjumpa daratan lagi."

Maka sėmua kėlasi itu pun tėlaha datang mėminta kapada Columbus supaya bėlayar balek, tėtapi Columbus mėnyuroh tėruskan juga pėlayaran-nya. Pada suatu malam manakala tėlaha sa-minggu lama-nya mėreka di-laut; maka nampak-lah suatu chahaya di-hadapan, lalu masing pun bėrtanya, "Ada-kah itu daratan yang di-tujui?" Sa-tėlaha siang sėmua kėlasi pun bėrgėmbira kėrana mėreka tėlaha nampak suatu pantai tėrhampar dėngan pokok kayu-nya yang mėnghijau di-hadapan. Sėkarang sėmua-nya aman dan kėlasi pun tėlaha lupa sėgala bahaya dan kėtakutan mėreka yang lalu, sambil mėreka mėmuji Laksamana-nya chukup bėrani dan chukup bėtul fikiran-nya.

Pada 12 October 1492 Columbus dėngan orang-nya tėlaha mėndarat, lalu bėrlut di-pantai dan sėmbahyang mėnguchap

daratan = large tract
bahaya = danger

chahaya = light
mėnguchap shukor = utter thanks



shukor kepada Tuhan yang telah mēnyēlamatkan nyawa mēreka. Columbus bērkata, “Aku tuntutan tanah ini untuk Spain dan aku namakan “**San Salvador.**” Ada pun San Salvador ini ia-lah sa-buah daripada kumpulan pulau, Bahama di-laut pantai Florida. Columbus sangka yang ia telah sampai ka-India lalu di-namakan kapada pēnduduk, di-situ Indian. Maka lain, pulau yang di-jumpai oleh Columbus dan orang, nya ia-lah sa-buah pulau yang bēsar yang mēreka sangka itu-lah Bēnu Asia; tētapi sabēnar-nya ia-lah pulau Cuba. Sa-telah itu kapal mēreka yang bērnama Santa Maria telah pēchah, jadi hanya tinggal dua buah sahaja yang dapat bēlayar kēmbali ka-Spain.

Columbus tidak dapat mēlihat bandar ēmas, batu, pērmata, rēmpah, dan kain sutera yang chantek, hanya ia mēlihat orang yang bērwarna (Indian) dan burong yang indah dan bēbērapa jēnis tumbuhan yang di-bawa-nya kēmbali kapada Queen Isabella. Sēmula orang di-Spain pērchaya ia telah sampai ka-India dan mēreka pērchaya chērita-nya bērkēnaan dēngan nēgēri, ‘ajaib yang pēnoh dēngan kēkayaan; pada masa itu tidak sa-orang pun mēngatakan ia gila lagi. Ia telah mējadi orang mashhor dan kēlasi-nya di-katakan **Pērwira.**

Pada masa itu banyak orang datang bērjumpa Columbus dan bērkata, “Ambil-lah kami bēlayar bērsama, dalam pēlayaran yang akan datang, kami hēndak mēlihat dunia ‘ajaib itu”. Sēkarang tidak-lah lagi Columbus bērsusah, hēndak mēndapat kapal dan kēlasi-nya; ia telah bēlayar sa-banyak tiga kali ka-tēmpat, baharu itu, dan ada pula orang, Spain yang bērpindah diam di-sana (Hispaniola) sēkarang di-namakan Pulau Haiti. Maka di-dalam pēlayaran Columbus ini ia telah sampai juga ka-Amerika Sēlatan akhir-nya ia telah kēmbali ka-Spain pada T.M. 1504.

pērwira = heroic
indah = fine

pērmata = jewel
sangka = thinks

Kali ini manakala Columbus sampai di-Spain, maka sakalian orang di-Spain telah jēlak mēndēngar chērita, kēkayaan yang Columbus sēndiri tidak pērnah mēnjumpai-nya; tambahan pula bēbērapa banyak wang dan harta, mēreka yang telah habis di-gunakan-nya. Columbus telah mati kēsaorangan dalam tahun 1506 dēngan tidak mēngētahui tēmpat, yang di-jumpai-nya bu-kan India ia-itu sa-buah tēmpat baharu.

So'al-an :

1. Apa-kah kēpērchayaan orang, zaman dahulu bērkēnaan dēngan dunia ini ?
2. Mēngapa-kah orang, Eropah bērmati,an mēnchari ja-lan laut ka-timor ini ?
3. Siapa-kah yang mēmbantu Columbus bagi mēnēruskan chita-nya ?
4. Apa-kah yang di-buat oleh Columbus dan orang, nya manakala mēreka mēnijjak pantai Amerika ?
5. Mēngapa Columbus mati dēngan tidak mēnērima kē-hormatan atas jasa-nya ?

Pēnohkan di-tēmpat, kosong bērikut dēngan salah satu pērkataan, ini :—

dan, dari, baharu, bērjalan, dēngan.

- (a) Umor Tijah tujuh tahun.
- (b) Sa-ekor kanchil sēdang di-dalam hutan.
- (c) Ia bēli pisang, ubi pēpaya.
- (d) Potong-lah pisau ini.
- (e) Surat ini datang Singapura.

kēkayaan = riches

kēsaorangan = lonely

PĒLAJARAN 19

ABU NAWAS DĒNGAN SAUDAGAR MASIR

Kata yang ėmpunya chĕrita pada suatu hari datang-lah sa-orang saudagar Masir ka-nĕgĕri Baghdad mĕmbawa dagangan tĕrlalu banyak, lalu di-sewa-nya sa-buah rumah untok tĕmpat ia bĕrniaga. Sa-tĕlah itu dudok-lah ia bĕrjual bĕli dan bĕrsahabat dĕngan orang di-tĕmpat itu. Apabila habis di-jual-nya sakalian dagangan-nya, maka bĕrkĕmas-lah ia sakalian harta-nya kĕrana hĕndak bĕlayar balek ka-Masir tĕtapi malang-nya pada musim itu tidak ada kapal yang bĕlayar ka-Masir; jadi tinggal-lah ia bĕrsuka-an dĕngan orang di-tĕmpat itu.

Pada suatu malam bĕrmimpi-lah saudagar itu konon-nya ia tĕlah bĕrkahwin dĕngan anak pĕrawan tuan khadzi dĕngan sa-kian, ėmas kahwin-nya. Sa-tĕlah siang maka fikir-nya baik-lah aku chĕritakan kapada sakalian sahabat-ku akan mimpi-ku itu. Jadi dalam masa itu ia sĕdang bĕrbual dĕngan mĕreka ia pun bĕrkata, "Sĕmalam saya tĕlah bĕrmimpi bĕrkahwin dĕngan anak tuan khadzi dĕngan sa-kian, ėmas kahwin-nya." Apabila di-dĕngar oleh sakalian sahabat-nya itu maka pĕrkhabatan itu pun hebah-lah ka-sĕluroh nĕgĕri sa-hingga tĕrdĕngar pula kapada tu-an khadzi sĕndiri.

Shahadan maka datang-lah tuan khadzi itu ka-rumah saudagar lalu bĕrtanya, "Sunggoh-kah ĕngkau bĕrmimpi kahwin dĕngan anak-ku dĕngan sa-kian, ėmas kahwin-nya?" Jawab saudagar itu, "Sa-bĕnar-nya sapĕrti kata tuan itu." Maka khadzi itu pun bĕrkata-lah, "Kalau dĕmikian hĕndak-lah ĕngkau mĕmbayar ėmas kahwin-nya kapada-ku." Jawab saudagar itu, "Tidak-lah hamba mahu mĕmbayar-nya kĕrana hamba hanya mimpi sahaja bukan-nya bĕrkahwin bĕtul." Oleh khadzi di-rampas-

ĕmpunya = whose
bĕrmimpi = to dream

ĕmas kahwin = dowry
di-rampas = take by force



nya sakalian harta saudagar itu hanya di-tinggalkan-nya kain sa-
hélai sa-pinggang sahaja kapada-nya sërta di-halau-nya këluar
dari tẽmpat itu.

Sa-tẽlah itu saudagar itu pun bẽrjalan-lah mẽmbawa diri ka-
mana₂ sambil mẽngadu mẽminta pẽrtolongan kapada orang₂
yang di-jumpai-nya ; tẽtapi tidak sa-orang pun yang sanggup mẽ-
nulong-nya; sa-hingga ia hampir jadi gila. Pada suatu hari
sẽdang ia mẽminta sẽdẽkah di-rumah sa-orang pẽrẽmpuan tua,
lalu pẽrẽmpuan itu bẽrtanya, "Hai pẽngẽmis mẽngapa-kah
kamu maseh muda mėlakukan pẽkẽrjaan yang chẽmar ini, dari-
mana-kah kamu datang?" Jawab saudagar itu, "Saya datang
dari Masir mẽmbawa dagangan bẽrniaga di-nẽgẽri ini, tiba₂ saya
tẽlah mẽndapat fitnah bẽsar dan sakalian harta saya habis di-
rampas oleh khadzi." Jawab orang tua itu, "Kalau dẽmikian baik-
lah kamu pẽrgi mẽngadu kapada Abu Nawas supaya ia dapat
mẽnulong-mu." Maka kata saudagar itu, kalau bagitu sila-lah
ẽmak tulong pẽrgi mẽngadu mẽnchẽritakan hal saya ini kapada-
nya dahulu kẽmudian saya akan ikut pula.

ABU NAWAS DÈNGAN SAUDAGAR MASIR

BAHAGIAN II

Maka pẽrẽmpuan tua itu pun bẽrjalan-lah bẽrsama₂ dẽngan
saudagar itu pẽrgi mẽndapat Abu Nawas, pada masa itu Abu
Nawas sẽdang mẽngajar murid₂-nya mẽmbacha kitab. Oleh pẽ-
rẽmpuan tua itu di-chẽritakan-nya sẽgala hal ahwal saudagar itu
kapada Abu Nawas; kata Abu Nawas, "Hai saudagar, sa-bagai-
mana ẽngkau katakan kapada-ku ini boleh-kah juga ẽngkau kata-
kan ka-hadapan Sultan Harun al-Rashid?" Jawab saudagar itu,

sẽdẽkah = alms chẽmar = filth
fitnah = slander

"Boleh-lah hamba katakan dẽngan sa-bẽnar-nya." Maka Abu
Nawas bẽrtanya pula, "Di-mana-kah kamu tinggal supaya sẽ-
nang ku-panggil këlak?" Jawab saudagar itu, "Hamba mẽnum-
pang diam di-rumah orang tua ini kẽrana dia-lah yang mẽm-
bẽri makan kapada hamba."

Sa-tẽlah kẽmbali-lah kẽdua pẽngaduan itu, maka bẽrkata-
lah Abu Nawas kapada sakalian murid₂-nya, "Simpan-lah sa-
kalian kitab-mu dan sẽgẽra-lah kamu pulang ka-rumah masing₂;
sẽdiakan oleh-mu pẽnggali, changkul, kapak dan bakul; kẽmu-
dian datang-lah malam ini kapada-ku dẽngan mẽmbawa saka-
lian pẽrkakas₂ itu." Maka sakalian anak₂ murid-nya itu pun pu-
lang-lah ka-rumah masing₂ dẽngan hairan mẽmikirkan apa-kah
yang hẽndak di-buat oleh guru mẽreka.

Pada malam-nya sakalian anak₂ murid Abu Nawas pun da-
tang-lah mẽndapat guru mẽreka, maka kata Abu Nawas, "Hai
murid₂-ku sakalian pẽrgi-lah kamu pẽchahkan rumah khadzi
yang baharu itu sẽkarang juga, barang siapa bẽrtanya kapada-mu
jangan kamu hiraukan mėlainkan tẽrus kamu pẽchahkan juga
rumah itu katakan aku yang mẽnyuroh kamu pẽchahkan. Sa-
kira-nya ada orang₂ yang hẽndak mẽnentang kẽrja-mu, maka
hẽndak-lah kamu lawan dia dẽngan batu₂ dan pẽrkakas₂ yang
ada pada-mu ini". Sa-tẽlah sudah Abu Nawas bẽrkata dẽmikian
sakalian murid₂ itu pun pẽrgi-lah ka-rumah khadzi itu lalu di-
pẽchahkan-nya rumah itu.

Hatta khadzi itu pun tẽrkẽjut-lah dari tidor lalu dẽngan ma-
rah-nya datang bẽrtanya kapada murid₂ itu kata-nya, "Siapa-kah
yang mẽnyuroh kamu bẽrbuat dẽmikian?" Jawab murid₂ itu,
"Guru kami Abu Nawas." Maka pada malam itu gẽmpar-lah
sakalian pẽndudok₂ di-tẽmpat itu masing₂ datang bẽramai₂ mẽ-

hamba = slave, servant hiraukan = care
mẽnumpang = lodge

Meat change incident

lihat tēmasha yang pēlek itu, ada juga sa-tēngah daripada-nya yang chuba hēndak mēnghalang murid₂ itu bērbuat dēmikian, tētapi murid₂ itu tēlah mēlawan dēngan mēlimpar batu₂ kapada-nya, oleh yang dēmikian sakalian orang₂ di-situ bērdiam diri mēlihat tēmasha yang tērsēbut.

Sa-tēlah siang maka masok-lah khadzi itu mēngadap Sultan Harun al-Rashid mēnyēmbah mēngadu akan pērbuatan murid₂ Abu Nawas itu. Pada hari itu pēnoh sēsak-lah sakalian orang di-Balai Rong hēndak mēndēngar pērbicharaan yang pēlek itu. Maka oleh baginda di-titah-nya mēmanggil Abu Nawas mēngadap. Oleh Abu Nawas di-suroh panggil saudagar muda itu bērsama₂, lalu bērjalan-lah mēreka masok mēngadap Sultan Harun al-Rashid lalu mēnyēmbah. Titah baginda kapada Abu Nawas, "Hai Abu Nawas apa-kah sēbab-nya kamu suroh murid₂-mu mēmēchahkan rumah khadzi ini?"

Jawab Abu Nawas, "Ampun tuan-ku, sēbab pun patek bērbuat dēmikian kērana pada suatu malam patek bērmimpi, bahawasa-nya khadzi ini tēlah datang kapada patek mēnyuroh pēchahkan rumah-nya, sēbab itu-lah patek suroh murid₂ pēchahkan rumah-nya tuan-ku." Sabda baginda, "Hai Abu Nawas boleh-kah mimpi-mu itu di-pakai? Hukum mana yang kamu pakai ini?" Jawab Abu Nawas, "Bahawasa-nya hukum khadzi juga yang patek pakai tuan-ku."

Dēmi di-dēngar oleh khadzi maka ia pun mēnundokkan kēpala-nya sēraya bērdiam diri sa-patah pun tidak di-jawab-nya. Maka sabda baginda, "Hai Abu Nawas katakan-lah kapada-ku apa sēbab-nya ēngkau bērkata dēmikian." Jawab Abu Nawas, "Tuan-ku, ada-lah sa-orang saudagar dari Masir datang bērniaga di-nēgēri ini dēngan mēmbawa dagangan tērlalu banyak. Pada suatu malam ia tēlah bērmimpi bērkahwin dēngan anak khadzi ini dēngan sa-kian₂ ēmas kah-

*sēraya = and at the same time pērbicharaan = court trial
sabda = speak, say, of any prince, chief
dagangan = merchandise*



win-nya, apabila khabar itu tērdēngar kapada khadzi ini maka pērgi-lah ia kapada saudagar Masir itu mēminta bayaran ēmas kahwin anak-nya. Manakala saudagar itu tidak mahu mēmbayar-nya maka di-rampas-nya sēgala harta saudagar itu lalu di-halau kēluar dēngan sa-hēlai sa-pinggang sahaja.”

Apabila di-dēngar oleh khadzi itu tidak-lah juga ia bērkata apa₂ hanya bērdiam diri sahaja. Sabda baginda, “Hai Abu Nawas, di-mana-kah saudagar Masir itu?” Maka saudagar itu pun datang mēnyēmbah baginda, titah baginda, “Hai saudagar bērkata bēnar-lah kamu sēgala hal yang tērjadi di-atas diri-mu.” Maka saudagar itu bērchērita-lah dēngan tērus tērang kapada baginda apa₂ hal yang tēlah bērlaku kapada-nya. Sa-tēlah baginda mēndēngar chērita itu maka tērsangat-lah murka baginda kapada khadzi-nya lalu di-pēchat-nya jawatan khadzi itu dan di-rampas sakalian harta-nya di-bēri kapada saudagar Masir itu, kē-mudian di-hukum pula kapada khadzi yang dzalim itu ada-nya.

So'al-an :

1. Apa-kah mimpi saudagar Masir itu ?
2. Mēngapa-kah khadzi mērampas harta saudagar itu ?
3. Apa jadi kapada saudagar itu sa-tēlah harta-nya di-rampas ?
4. Apa-kah pērentah Abu Nawas kapada murid₂-nya ?
5. Mēngapa-kah khadzi mēngadu kapada sultan ?
6. Bagaimana-kah jawapan Abu Nawas kapada baginda ?
7. Bagaimana-kah pula hukuman sultan ?

murka = *anger*

dzalim = *cruel*

Ator sa-mula pērkataan₂ di-dalam ayat₂ ini supaya jadi bētul :—

(a) Mēreka bola sēdang main.

.....

(b) Baju kēring saya pakai.

.....

(c) Samy dēngan Robert bērchakap.

.....

(d) Ia baju jahit pandai.

.....

(e) Ia meja duduk di-atas.

.....

Potong pērkataan yang tidak mahu di-dalam ayat₂ di-bawah ini :—

(a) Bapa saya ada dua batang/hēlai/sa-pasang kasut.

(b) Ayer sungai ini sangat bērseh/chantek/jērneh.

(c) Dia bēri/bēli/angkat buku ini di-Tampin.

(d) Buaya itu sangat ganas/garang/liar.

(e) Ayer laut itu sēdang naik/banyak/pasang.

Tambah sa-kurang₂-nya dua pērkataan di-tēmpat₂ kosong bērikut supaya jadi ayat₂ :—

(a) Tijah mēnyanyi.

(b) Amboi ! chantek-nya

(c) ka-kolam Pa' Awang.

(d) Tiba₂ datang bērtanya.

(e) Sungai itu

PĒLAJARAN 20

KOPRAL YANG BONGKAK

Pada satu masa sa-pasokan tĕntĕra Amerika Sharikat sĕdang bĕkĕrja mĕmbuat jalan di-dalam sa-buah hutan, bagi mĕngubah balak₂ kayu; maka di-dalam sa-kumpulan 'askar₂ itu tĕlah di-kĕtuakan oleh sa-orang koprал. Di-dalam masa mĕreka sĕdang bĕkĕrja mĕngangkat balak₂ kayu ada-lah sa-potong balak bĕsar tĕrlintang di-jalan. Oleh koprал itu di-pĕrentah-nya sakalian 'askar₂-nya mĕngubah kayu itu ka-tĕpi, bĕbĕrapa kali di-chuba oleh 'askar₂ itu tidak juga tĕrangkat, maka koprал itu pun marah-lah dĕngan maki hamun-nya mĕmaks₂ 'askar₂ itu mĕngangkat juga, tĕtapi dia sĕndiri tidak mahu mĕnulong-nya.

Sa-tĕlah itu maka lalu-lah sa-orang yang bĕrpakaian sĕdĕrhana mĕnonggang kuda di-tĕmpat itu, manakala di-lihat-nya balak kayu itu tĕrgalang di-jalan dan sakalian 'askar₂ itu nampak pĕnat bĕlaka, lalu bĕrkata-lah ia, "Mĕngapa kamu tidak mahu mĕngubah kayu ini? Bukan-kah ia mĕnghalang orang₂ yang lalu lintas di-jalan ini?" Maka jawab 'askar₂ itu, "Bĕbĕrapa kali kami chuba mĕngubah-nya tidak juga tĕrangkat." Kĕmudian orang itu mĕmalingkan muka-nya kapada koprал itu lalu bĕrkata, "Mĕngapa-kah tuan tidak mĕnulong bĕrsama₂ mĕngangkat kayu ini?" Maka jawab koprал yang bongkak itu, "Mĕngapa-kah aku mĕsti mĕnulong, tidak-kah ĕngkau tahu yang aku ini sa-orang koprал?" sambil ia mĕmalingkan muka-nya dĕngan marah-nya. Jawab orang itu, "Ma'af tuan, saya fikir tuan bukan-nya koprал, sĕkarang biar-lah saya mĕnulong mĕreka mĕngangkat-nya."

Maka orang itu pun mĕmbuka baju-nya lalu mĕnulong mĕngangkat bĕrsama₂ mĕngubah kayu itu ka-tĕpi; sa-tĕlah kayu itu di-ubah, maka sakalian 'askar₂ itu pun mĕnguchap tĕrima kaseh kapada-nya; dan ia pun mĕnonggang sa-mula kuda-nya; sĕraya

maki = *abuse*
bongkak = *conceited*
mĕngubah = *to alter*

mĕmalingkan = *turn the head*
mĕnonggang = *to ride*

Bĕri pĕrkataan₂ yang sama ĕrti-nya dĕngan pĕrkataan₂ ini :—

- (a) kĕtawa
- (b) tĕrlalu
- (c) baling
- (d) duka
- (e) dusta

PĒLAJARAN 21

TO' HAKIM KANCHIL

Sang Kanchil tĕrkĕnal di-kalangan orang₂ Mĕlayu sa-bagai suatu binatang yang chĕrdek lagi pintar sa-hingga sakalian binatang₂ mĕnggĕlar akan dia Shah 'Alam di-Rimba. Di-bawah ini ada-lah di-chĕritakan kesah Sang Kanchil mĕnangkap sa-orang raksaksa yang sangat₂ ganas, ia sĕntiasa mĕnangkap dan mĕmakan sakalian binatang₂ di-rimba.

Al-kesah pada suatu hari Shah 'Alam di-Rimba sĕdang bĕrsĕmayam di-singgahsana kĕrajaan-nya di-hadapi oleh sakalian binatang₂ di-rimba tiba₂ masok-lah Sang Landak mĕngadap dĕngan gopoh-gapah lalu bĕrdatang sĕmbah, "Ampun tuan-ku Duli Shah 'Alam ada-lah sakalian ra'ayat tuan-ku di-dalam rimba ini sangat-lah mashghul akan pĕrbuatan raksaksa yang ganas itu, habis sakalian hamba ra'ayat tuan-ku di-tangkap dan di-makan-nya. Sa-hingga bĕbĕrapa banyak anak₂ yang kĕhilangan ibu bapa dan saudara mara. Dan lagi bĕribu₂ pula yang cha-chat chĕdĕra lari bĕrtĕmpiaran ka-rimba raya manakala di-kĕjar oleh raksaksa bĕdĕbah itu. Oleh itu mohon-lah patek bagi pi-

pintar = *clever*
mashghul = *sad*
bĕrtĕmpiaran = *to scatter*
gopoh-gapah = *hurriedly*
bĕdĕbah = *wretch*



hak hamba ra'ayat tuan-ku sakalian bĕrdatang sĕmbah ka-bawah duli supaya mĕnangkap dan mĕmbunoh-nya. Dĕngan dĕmikian tĕrsĕlamat-lah sakalian isi rimba ini daripada kĕganasan rak-saksa bĕdĕbah itu. Sa-kian-lah sĕmbah patek bĕrharap dĕngan limpah kurnia tuan-ku dapat juga raksaksa bĕdĕbah itu di-bu-noh.”

Sa-tĕlah di-dĕngar oleh Sang Kanchil akan pĕngaduan Sang Landak itu, maka titah-nya, “Hai sahabat-ku Sang Landak bĕr-sabar-lah dahulu kamu sakalian sa-hingga esok hari supaya beta mĕnangkap raksaksa itu dan kita bunuhkan dia bĕramai.” Lalu sakalian binatang₂ itu pun pulang-lah ka-rumah masing.

Shahadan kĕesokan hari-nya pagi₂ lagi Sang Kanchil pĕr-gi ka-hutan lalu di-chakar-nya sa-batang pokok gĕtah supaya kĕluar gĕtah₂-nya, dan ia pun mĕlumor gĕtah₂ itu di-kĕpala-nya sa-hingga habis sakalian janggut dan misai-nya bĕrlumor dĕngan gĕtah itu. Sa-tĕlah itu pĕr-gi-lah pula ia ka-hutan lalang yang sĕdang kĕmbang bunga-nya lalu di-lumor-nya sĕluroh kĕ-pala dan muka-nya dĕngan bunga lalang itu, puteh sahaja nam-pak-nya. Manakala siap, ia pun pĕr-gi-lah mĕngorek lubang di-jalan yang biasa di-lalu oleh raksaksa itu, sambil ia mĕlaung₂ bĕrtĕriak mĕmanggil sakalian anak bini-nya dĕngan tangis-nya kata-nya, “Hai sakalian anak istĕri-ku sĕgĕra-lah kamu datang masok ka-dalam lubang ini kĕrana langit hampir akan runtoh.”

Dalam hal yang dĕmikian maka datang-lah raksaksa di-tĕmpat itu apabila di-lihat oleh Sang Kanchil akan raksaksa itu datang, maka makin-lah dĕras laung-nya sĕrta dĕngan ta-ngis-nya mĕlulong₂. Manakala di-lihat oleh raksaksa akan tangis Kanchil itu ia pun bĕrhĕnti lalu bĕrtanya, “Apa-kah yang kamu laungkan ini Kanchil?” Jawab Kanchil, “Patek sĕdang mĕ-manggil anak istĕri patek kĕrana langit hampir akan runtoh, sĕbab itu-lah patek mĕngorek lubang ini supaya dapat patek₂

chakar = scratch

mĕlumor = to smear

mĕlaung₂ = call to

masuk ka-dalam-nya manakala ia runtoḥ kĕlak.” Kata raksaksa. “Bagaimana-kah kamu tahu yang langit akan runtoḥ?” Jawab Kanchil, “Sa-malam patek bĕrmimpi datang sa-orang Wali Allah mĕnchĕritakan kapada patek, sĕbab itu-lah kĕpala patek ini sĕmua-nya bĕrtukar mĕnjadi puteḥ, Sĕkarang chuba-lah tuan hamba pandang ka-langit bukan-kah ia sĕdang bĕrgĕrak?” Maka raksaksa pun mĕmandang ka-langit di-lihat-nya bĕtul awan sĕdang bĕrgĕrak macham hĕndak runtoḥ lalu kata-nya, “Kalau bagitu bĕri-lah aku sama masuk ka-dalam lubang-nya ini.” Jawab Kanchil, “Bagaimana-kah tuan hamba hĕndak masuk ka-dalam lubang yang kĕchil ini? Kalau bagitu mari-lah kita pĕrgi; di-sana ada suatu lubang yang bĕsar lagi dalam dapat kita masuk ka-dalam-nya.”

Maka kĕdua-nya bĕrjalan-lah bĕrsama₂ mĕnuju ka-sabuaḥ lubang bĕkas di-korek oleh orang, lubang itu chukup dalam lagi kĕring pula ayer-nya. Maka kata Kanchil, “Sila-lah tuan-ku turun dahulu biar patek pĕrgi mĕnchari anak istĕri patek ka-mari sa-bĕlum langit ini runtoḥ.” Jawab raksaksa, “Baik-lah,” lalu ia pun tĕrjun-lah masuk ka-dalam lubang itu. Oleh Sang Kanchil di-ambil-nya akar₂ kayu di-buat-nya simpai lalu di-bawa-nya kapada raksaksa itu kata-nya, “Ini dia ‘azimat yang di-bĕri pula oleh Wali Allah kapada patek, ia sangat bĕrguna bagi mĕngubat pĕnyakit lĕngoh dan bisa₂ tulang.” Maka kata raksaksa chuba-lah bĕri aku pakai kĕrana aku pun sudah lama bĕrasa lĕngoh dan bisa₂ tulang-ku.” Jawab Sang Kanchil, “Kalau tuan hĕndak pakai hĕndak-lah jaga baik₂ supaya jangan rosak, nanti di-sumpah oleh Wali Allah itu,” lalu di-champak-nya simpai itu kapada raksaksa di-suroh-nya raksaksa itu masokkan kĕdua bĕlah tangan-nya ka-dalam simpai itu dan di-suroh ĕratkan kĕdua₂ bĕlah tangan itu di-atas kĕpala. Sa-makin kuat simpai itu di-masokkan, maka makin ĕrat-lah kĕdua bĕlah tangan raksaksa itu

simpai = *hoop*
sumpah = *curse*

‘azimat = *amulet*
ĕratkan = *bind fast*

tĕrsimpai, sa-hingga ia tidak dapat bĕrgĕrak lagi walau pun bĕbĕrapa kali di-chuba-nya mĕrunta dĕngan pĕkek jĕrit-nya. Sa-tĕlah itu maka lĕteh-lah ia lalu bĕrdiam diri.

Sa-tĕlah di-dĕngar oleh sakalian isi rimba bunyi jĕrit raksaksa itu maka sakalian-nya pun datang-lah bĕrhimpun mĕlihat tĕmasha itu, masing₂ dĕngan hairan-nya mĕlihat gagah pĕrkasa Sang Kanchil mĕnangkap raksaksa itu. Sang Kanchil pun bĕrkata, “Hai sakalian sahabat-ku mari-lah dĕkat₂ jangan lagi kamu sakalian takut kĕrana aku tĕlah tangkap dan aku ikatkan kĕdua bĕlah tangan-nya, sĕkarang sampai-lah masa-nya kapada kamu sakalian mĕmbalas dosa pĕrbuatan raksaksa ini kapada rakan₂-mu; bunoh-lah dia sa-hingga mati baharu-lah puas hati kita sakalian.” Maka sakalian binatang₂ itu pun datang-lah bĕramai₂ mĕmbunoh raksaksa itu dĕngan tĕmpek sorak-nya. Dari sĕmĕnjak itu sakalian binatang₂ di-rimba mĕnggĕlar Sang Kanchil “Pahlawan di-Rimba” ada-nya.

So’al_{an} :

1. Sĕbab apa-kah Sang Kanchil bĕrgĕlar “Shah ‘Alam di-Rimba” ?
2. Apa-kah pĕngaduan Sang Landak ?
3. Apa-kah helah Sang Kanchil mĕnangkap raksaksa ?
4. Bagaimana jalan-nya tangan raksaksa itu tĕrsimpai ?
5. Apa kata Sang Kanchil, sa-tĕlah raksaksa itu tĕrtangkap?

Tambahkan sa-kurang₂-nya dua pĕrkataan pada tiap₂ tĕmpat yang kosong supaya mĕnjadi ayat :—

- (a) Tiap₂ hari saya
- (b) Aminah sakit dĕmam kura.
- (c) Lihat-lah lĕmbu₂ mĕnarek kĕreta.

gagah pĕrkasa = *heroic*

mĕmbalas = *requite*

- (d) Ramai murid₂
- (e) bapa pergi ka-pëjabat.

Atorkan sa-mula përkataan₂ dalam tiap₂ satu ayat di-bawah ini supaya jadi ayat yang bëtul :—

- (a) Ia mënyapu sampah tulong jaga.
.....
- (b) Itek tiga ekor ada di-sini.
.....
- (c) Ĕmak balek bërjalan dari.
.....
- (d) Adek saya kawan chantek.
.....
- (e) Ini motokar këlabu chat.
.....